



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGARUH TINGKAH LAKU TERANCANG DAN PERSONALITI PROAKTIF TERHADAP HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR

AMIZAN BIN SAIDON



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN  
PERNIAGAAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
iv

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh tingkah laku terancang dan personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di Negeri Kedah. Dalam kajian ini, sebanyak 179 set soal selidik telah berjaya dikumpul yang membawa kepada 73.68% kadar tindak balas. Pendekatan kuantitatif dengan ujian korelasi dan ujian regresi pelbagai telah digunakan untuk melaksanakan analisis statistik daripada data kajian. Analisis kebolehpercayaan dan analisis faktor pengesahan telah dijalankan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif mempunyai hubungan yang signifikan terhadap hasrat keusahawanan. Sikap terhadap tingkah laku merupakan pembolehubah yang paling mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar. Kajian ini juga telah menyumbang kepada literatur dalam pengaruh *TPB* dan personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan pelajar. Implikasi kajian menunjukkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia umumnya dan pihak sekolah khasnya boleh meningkatkan keinginan pelajar



05-4506832



untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## THE INFLUENCE OF PLANNED BEHAVIOUR AND PROACTIVE PERSONALITY TOWARDS STUDENTS' ENTREPRENEURSHIP INTENTION

### ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the influence of organized behaviour and proactive personality on entrepreneurial aspirations among Pre-University students in the State of Kedah. In this study, a total of 179 sets of questionnaires were collected which led to 73.68% response rate. Quantitative approaches with correlation tests and multiple regression tests were used to perform statistical analysis from the study data. Reliability analysis and validation factor analysis were carried out. The findings show that attitudes towards behaviour, subjective norms, perceived behavioural control and proactive personalities have significant relationship to entrepreneurial aspirations. Attitudes towards behaviour are the variables that most influence the entrepreneurial intention of the students. This study has also contributed to the literature in the influence of TPB and proactive personalities on student entrepreneurship intention. The implications of the study show that the Ministry of Education in general and the school can in turn increase the student's intention to make entrepreneurship a preferred career.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kerangka Kajian	9
1.8 Signifikan Kajian	11



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.9 Skop dan Batasan Kajian	12
1.10 Definisi Operasional	13
1.10.1 Hasrat Keusahawanan	13
1.10.2 Teori Tingkah Laku Terancang	13
a) Sikap Terhadap Tingkah Laku	14
b) Norma Subjektif	14
c) Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat	14
1.10.3 Personaliti Proaktif	15
1.11 Rumusan	15

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR



2.2 Usahawan	17
2.3 Keusahawanan	18
2.4 Hasrat Keusahawanan	20
2.5 Teori Tingkah Laku Terancang (TPB)	24
2.6 TPB dan Hasrat Keusahawanan	
2.6.1 Sikap Terhadap Tingkah Laku	26
2.6.2 Norma Subjektif	29
2.6.3 Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat	31
2.7 Personaliti Proaktif	35
2.8 Rumusan	40





## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	41
3.2 Reka Bentuk Kajian	42
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	43
3.4 Instrumen Pengukuran Pembolehubah Kajian	46
3.4.1 Pengukuran Teori Tingkah Laku Terancang	47
3.4.2 Pengukuran Personaliti Proaktif	49
3.4.3 Pengukuran Hasrat Keusahawan	51
3.5 Prosedur Kajian	52
3.6 Kajian Rintis	53
3.6.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	53
3.6.2 Kesahan Instrumen Kajian	57



## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	67
4.2 Analisis Statistik Deskriptif	
4.2.1 Profil Responden	68





4.2.2 Statistik Deskriptif Responden Kajian	68
4.3 Analisis Statistik Inferensi	70
4.4 Rumusan	78
 <b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1 Pengenalan	79
5.2 Ringkasan Kajian	80
5.3 Perbincangan Mengikut Persoalan Kajian	
5.3.1 Persoalan Kajian	81
a) Sikap Terhadap Tingkah Laku	82
b) Norma Subjektif	83
c) Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat	84
5.4 Implikasi Dapatkan Kajian	
5.4.1 Implikasi Teori	89
5.4.2 Implikasi Praktikal	90
5.5 Cadangan	92
5.6 Kesimpulan	93
<b>RUJUKAN</b>	95
<b>LAMPIRAN</b>	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

1.1 Bilangan siswazah menganggur mengikut kumpulan umur tahun 2010	4
2.1 Kajian Hasrat Keusahawanan	23
2.2 Kajian berkaitan TPB	25
2.3 Kajian berkaitan sikap terhadap tingkah laku	28
2.4 Kajian berkaitan norma subjektif	31
2.5 Kajian berkaitan kawalan tingkah laku yang dilihat	34
2.6 Kajian berkaitan personaliti proaktif	39
3.1 14 Item Elemen Teori Tingkah Laku Terancang	47
3.2 10 Item Personaliti Proaktif	49
3.3 6 Item Hasrat Keusahawanan	51
3.4 Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Teori Tingkah Laku Terancang (Rintis)	55
3.5 Skor Alfa Cronbach untuk Personaliti Proaktif (Rintis)	55
3.6 Skor Alfa Cronbach untuk Elemen Teori Tingkah Laku Terancang	56
3.7 Skor Alfa Cronbach untuk Personaliti Proaktif	56
3.8 Analisis Faktor bagi Elemen Teori Tingkah Laku Terancang	59
3.9 Analisis Faktor bagi Personaliti Proaktif	60
3.10 Rule of Thumb Saiz Pekali Kolerasi	64
3.11 Model Umum Regresi Pelbagai	64
3.12 Model Spesifik Regresi Pelbagai	65
3.13 Deskripsi Umum Analisis Data	65
4.1 Bilangan dan peratus responden berdasarkan jantina	68



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

4.2 Bilangan dan peratus responden mengikut bangsa	69
4.3 Bilangan dan peratus responden yang tinggal di bandar dan luar bandar	69
4.4 Bilangan dan peratus responden berdasarkan kerja sambilan	70
4.5 Keputusan ujian korelasi bagi sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan	71
4.6 Keputusan ujian korelasi bagi norma subjektif dengan hasrat keusahawanan	72
4.7 Keputusan ujian korelasi bagi kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan	72
4.8 Keputusan ujian korelasi bagi personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan	73
4.9 Ringkasan Model	74
4.10 Analisis Varians (ANOVA)	75
4.11 Keputusan ujian regresi pelbagai ke atas pembolehubah-	76
4.12 Model spesifik regresi pelbagai	76
4.13 Ringkasan statistik koloneariti	77



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii

## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian	10
2.1 Model Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991)	24
4.1 Plot kebarangkalian normal sisa regresi diseragamkan	77



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI SINGKATAN

CFA	Confirmatory Factor Analysis
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Negara
EIQ	Entrepreneurial Intention Questionnaire
EPRD	Educational Planning and Research Division
GEM	Global Entrepreneurship Monitor
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KMOMSA	Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy
MBA	Master of Business Administration
PPS	Proactive Personality Scale
SEE	Shapero Entrepreneurial Event
SPSS	Statistical Package for Social Science
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TPB	Theory of Planned Behaviour
UITM	Universiti Teknologi MARA
VIF	Variance Inflation Factor



05-4506833



pustaka.

Kurikulum Baru  Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiv

## SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Surat Kebenaran Soal Selidik
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan rumusan.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Pembangunan keusahawanan mula berkembang di Malaysia selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 dengan matlamatnya untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan serta mempercepatkan proses penyusunan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



semula masyarakat (Mohd Hafeez, 2013). Usaha tersebut diteruskan dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN) dengan menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai pemangkin untuk mewujudkan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat negara kita yang menuju ke arah negara perindustrian dan negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (Mohamed Khaled Nordin, 2012).

Seterusnya, pendedahan kepada pengetahuan prinsip-prinsip asas perniagaan telah wujud dalam sistem pendidikan negara apabila Jabatan Pembangunan Koperasi membantu sekolah-sekolah menubuhkan koperasi sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Skop kegiatan koperasi lebih mengutamakan soal-soal pengurusan kedai koperasi yang berskala kecil dan penjualan barang-barang pengguna yang terhad



dan tertumpu kepada warga sekolah sahaja. Menurut Hasan Malek (2013), aktiviti pengendalian operasi niaga harian, mengemaskini buku kira-kira dan merancang aliran wang tunai bertujuan untuk memupuk minat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, menurut Boon dan Bohari (2010), pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 telah memberi pendedahan awal tentang unsur keusahawanan kepada pelajar tahap dua manakala pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 memberi pendedahan dan pengetahuan dalam aspek perniagaan dan keusahawanan melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Perdagangan. Ini menunjukkan bahawa, pendidikan kepada dunia keusahawanan telah ditumpukan kepada semua golongan pelajar daripada peringkat sekolah rendah lagi (Ishak, Ahmad, Isnaini, & Ismail, 2011).





Seterusnya, pengenalan mata pelajaran Pengajian Perniagaan pada tahun 1999 kepada pelajar-pelajar tingkatan enam dan penggubalan semula Sukatan Pelajaran Pengajian Perniagaan pada tahun 2012 adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami dan menghayati tiga komponen utama iaitu prinsip perniagaan, prinsip pengurusan dan asas keusahawanan. Usaha ini adalah bagi menghasilkan pelajar prauniversiti yang berfikiran matang, berpengetahuan luas dan berupaya untuk menyampaikan idea secara berkesan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Pendidikan keusahawanan juga telah diberi penekanan di institusi pengajian tinggi (IPT) melalui pelancaran Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan Keusahawanan yang lebih terancang dan holistik (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Selain itu, Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015 telah meletakkan fokus utama kepada usaha mengarusperdanakan pendidikan keusahawanan dengan objektifnya untuk meningkatkan daya keusahawanan dalam kalangan semua pelajar yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010).

Walau bagaimanapun, isu utama dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara ialah guna tenaga dan kadar pengangguran. Negara mempunyai pertumbuhan yang mampu jika kadar penganggurannya rendah dan kadar pengangguran yang tinggi menggambarkan berlakunya pembaziran sumber manusia (Norhayati, Ishak, & Rahmah, 2012). Oleh itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM120 juta





kepada perusahaan kecil dan sederhana bagi tujuan mempromosikan keusahawanan (Mohd Najib, 2014).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat kira-kira 65000 graduan menganggur pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, kumpulan umur antara 20 hingga 24 tahun mencatat bilangan tertinggi iaitu sebanyak 34100 orang diikuti dengan kumpulan umur 25 hingga 29 tahun sebanyak 21900 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Kumpulan umur tersebut terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan lain-lain yang tidak dapat meneruskan pengajian di IPT dan tidak dapat memasuki alam pekerjaan.

### Jadual 1.1



Kumpulan umur (tahun)	Bilangan penganggur
Bawah 20	400
20 hingga 24	34 100
25 hingga 29	21 900
30 hingga 34	5 000
35 tahun dan ke atas	4 200

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011)

Statistik tersebut menunjukkan bahawa Malaysia sedang berhadapan dengan kegagalan graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, isu pengangguran ini merupakan salah satu sebab mengapa kerajaan Malaysia memberi penekanan kepada bidang keusahawanan (Nor Hanis, 2015). Kenyataan ini adalah selaras dengan Rasli, Khan, Malekifar, dan Jabeen (2013) yang menyatakan bahawa keusahawanan dapat membantu kerajaan dalam menangani isu-isu pengangguran dan meningkatkan ekonomi negara. Oleh yang demikian, kerajaan telah melaksanakan program reformasi





ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi menyokong pembentukan budaya keusahawanan melalui program latihan, khidmat rundingan dan program amali seperti membenarkan pelajar universiti untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di dalam kampus (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011).

Walau bagaimanapun, aktiviti keusahawanan adalah berasaskan kepada hasrat (Krueger, Reilly, & Carsrud, 2000) di mana usahawan bermula dengan hasrat keusahawanan yang sedikit sebelum menjadi seorang usahawan. Menurut Wei-Loon, Juan, Izaidin, dan Kamariah (2012), seseorang tidak akan menjadi seorang usahawan dengan tiba-tiba tanpa pencetus tertentu dan yang paling penting adalah hasrat. Selain itu, usahawan boleh dibentuk dan dilatih (Boulton & Turner, 2005). Adalah penting untuk melihat faktor-faktor yang membentuk seseorang menjadi usahawan dan isu-isu



Menurut Ajzen (2005, 2012), hasrat keusahawanan individu boleh diramal dengan ketepatan yang tinggi daripada sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat. Personaliti proaktif secara positif dan signifikannya meramal hasrat keusahawanan (Delle & Amadu, 2015). Oleh yang demikian, faktor ini telah mendorong penyelidik untuk mengkaji hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Keusahawanan bermula dengan wujudnya usahawan yang berpotensi, iaitu seseorang individu yang bukan sahaja mempunyai keberanian untuk menceburkan diri dalam aktiviti keusahawanan semata-mata, malah mempunyai kepercayaan dan keupayaan untuk melakukannya (Wee Ka Siong, 2016). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) di 54 buah negara tentang persepsi, hasrat dan sikap masyarakat terhadap bidang keusahawanan, didapati negara Malaysia berada pada kedudukan yang agak rendah dari segi hasrat individu untuk menjadi usahawan iaitu hanya mencapai skor sebanyak 9 peratus berbanding dengan negara-negara yang mempunyai skor tertinggi seperti Colombia 56 peratus, Chile 46 peratus dan China 43 peratus (GEM, 2011).



Menurut Douglas (2013), hasrat keusahawanan mendahului tindakan keusahawanan. Hasrat keusahawanan merupakan fungsi kepada Tingkah Laku Terancang (TPB) yang merangkumi sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat (Ajzen, 1991). Malebana (2014) menjelaskan bahawa hasrat keusahawanan boleh diramal melalui sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Seterusnya, Linan dan Chen (2009) pula menjelaskan bahawa norma subjektif mempunyai kesan yang tidak signifikan ke atas hasrat keusahawanan. Kenyataan tersebut adalah bertentangan dengan Krithika dan Venkatachalam (2014) yang mendapati bahawa norma subjektif mempengaruhi hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar perniagaan di India. Manakala David Myers (2014) pula mendapati bahawa hanya elemen kawalan tingkah laku yang dilihat paling mempengaruhi hasrat keusahawanan.





Kajian di atas memberikan hasil yang bertentangan tentang kepentingan ketiga-tiga faktor ini dalam meramalkan hasrat keusahawanan. Ianya mungkin boleh dibuktikan bahawa hanya sikap terhadap tingkah laku yang mempunyai kesan yang signifikan ke atas hasrat keusahawanan atau norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat yang signifikan atau adakah ketiga-tiga peramal dapat meramal hasrat keusahawanan.

Selain daripada tingkah laku, personaliti proaktif juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan hasrat keusahawanan (Leon, 2011). Personaliti proaktif juga secara positif dan signifikannya mempengaruhi hasrat keusahawanan (Delle & Amadu, 2015; Crant, 1996). Ini adalah kerana personaliti proaktif menyumbang kepada kejayaan kerjaya (Crant, 1995; Seibert, Crant, & Kraimer, 1999; Seibert, Kraimer, & Crant, 2001) dan mempengaruhi gelagat mencari pekerjaan (Claes & De Witte, 2002). Kenyataan ini disokong oleh Prabhu, McGuire, Drost, dan Kwong (2012) iaitu individu yang proaktif mempunyai tahap keyakinan yang tinggi tentang kepercayaan terhadap kebolehan keusahawanan dan hasrat untuk memulakan perniagaan. Walau bagaimanapun, menurut Delle dan Amadu (2015), personaliti proaktif kurang diberi perhatian oleh para pengkaji.

Kajian ini menggabungkan model TPB yang terdiri daripada tiga komponen dan konsep personaliti proaktif yang mewakili pembolehubah bebas. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menentukan sama ada sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif mempengaruhi hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah.





## 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk menilai pengaruh hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah. Secara spesifiknya, kajian ini akan cuba menentukan kesan TPB dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan. Tujuan kajian ini adalah:

1. Untuk menentukan pengaruh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar.



Bagi mencapai objektif kajian, persoalan kajian di bawah akan diselesaikan:

1. Adakah terdapat pengaruh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar?
  - 1.1 Adakah terdapat hubungan antara sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar?
  - 1.2 Apakah faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar?





## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis yang dibentuk untuk kajian ini adalah seperti berikut:

### Hipotesis 1

Ho1a: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan.

Ho1b: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan.

Ho1c: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan.

Ho1d: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti proaktif dengan



### Hipotesis 2

Ho2: Tidak terdapat faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.


## 1.7 Kerangka Kajian

Kerangka kajian merujuk kepada struktur idea yang abstrak atau logik yang memandu perancangan, pelaksanaan dan laporan sesuatu kajian. Ia merupakan struktur yang mencantumkan bahagian-bahagian dalam sesuatu kajian untuk membentuk satu keseluruhan (Nik Aziz, 2003).





Dalam kajian ini, pengkaji telah merangka kerangka kajian seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1 di bawah. Kerangka kajian ini dibentuk bersesuaian dengan objektif kajian iaitu melihat hubungan antara sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan dan seterusnya menyiasat faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggabungkan model TPB yang terdiri daripada tiga komponen dan konsep personaliti proaktif yang mewakili pembolehubah bebas. Manakala hasrat keusahawanan merupakan pembolehubah bersandar. Model TPB Ajzen (1991) telah digunakan dalam kajian ini kerana TPB menawarkan kerangka teori yang diterima umum dan membolehkan kita untuk memahami serta meramalkan hasrat keusahawanan (Krueger, Reilly, & Carsrud, 2000). Selain itu, TPB menawarkan





spesifikasi yang menyeluruh dan boleh dipercayai sebagai model yang telah tertakluk kepada kajian secara menyeluruh (Gelderken et al., 2008).

Manakala konsep personaliti proaktif yang digunakan dalam kajian ini merupakan konsep yang dibangunkan oleh Bateman dan Crant (1993) yang mendefinisikannya sebagai kecenderungan yang agak stabil untuk mempengaruhi perubahan persekitaran dan membezakan individu berdasarkan sejauh mana mereka mengambil tindakan untuk mempengaruhi persekitaran mereka.

## 1.8 Signikan Kajian



Kajian ini dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan terutamanya ke atas hasrat keusahawanan dengan mengaplikasikan model TPB dan personaliti prokatif. Penyelidikan ini memberi sumbangan signifikan seperti berikut:

1. Kajian ini adalah penting kepada golongan muda untuk dijadikan panduan dalam menentukan kerjaya pada masa hadapan. Dengan mengenal pasti tingkah laku, personaliti dan juga hasrat mereka, ia menyediakan pilihan yang lebih baik kepada pembangunan kerjaya mereka.
2. Selain itu, dapatan kajian ini memberikan maklum balas tentang hubungan TPB dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar. Maklumat ini penting kepada pelajar, tenaga pengajar, institusi pendidikan dan penggubal





polisi dalam usaha untuk meningkatkan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

### 1.9 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini adalah untuk menentukan pengaruh TPB dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah.

Terdapat beberapa limitasi bagi kajian yang dijalankan. Di antaranya adalah kajian ini hanya tertumpu kepada hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah sahaja. Selain itu, hanya satu sahaja kaedah utama yang digunakan untuk mengumpul data iaitu dengan menggunakan kaedah mengedarkan borang soal selidik kepada para pelajar selepas tamat kelas. Antara beberapa kekangan dan masalah yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

#### 1. Generalisasi Penemuan

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tingkatan enam yang mengambil mata pelajaran pengajian perniagaan di Negeri Kedah. Oleh itu, dapatannya tidak boleh digunakan untuk mengeneralisasikan hasrat keusahawanan bagi semua pelajar tingkatan enam di Malaysia.





## 2. TPB

Kajian ini menggunakan model TPB sebagai penentu kepada hasrat seseorang untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu tindakan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini model hanya membenarkan generalisasi sehingga hasrat sahaja bukannya kepada tingkah laku.

### 1.10 Definisi Operasional

#### 1.10.1 Hasrat Keusahawanan

Hasrat adalah pembentukan sikap, manakala sikap bertindak sebagai perantara yang memberi kesan kepada hasrat keusahawanan (Kim-soon, Ahmad, Saberi, & Tat, 2013). Hasrat juga merupakan persepsi kebaikan, kemungkinan dan kecenderungan untuk bertindak ke atas peluang (Peterman & Kennedy, 2003) dan tahap hasrat keusahawanan berbeza bagi setiap individu di tempat-tempat yang berbeza (Thompson, 2009). Dalam kajian ini, hasrat keusahawanan merujuk kepada kesanggupan, keinginan dan keupayaan seseorang untuk melibatkan diri dalam tingkah laku keusahawanan atau mewujudkan perniagaan yang relevan kepada dirinya, orang lain dan masyarakat.

#### 1.10.2 TPB

Kepercayaan tingkah laku individu menjana sikap terhadap tingkah laku, manakala kepercayaan normatif individu membina norma subjektif, dan kepercayaan kawalan individu membawa kepada kawalan tingkah laku yang dilihat. Gabungan ketiga-tiga komponen ini memulakan pembentukan hasrat





tingkah laku iaitu peramal terbesar kepada tingkah laku tertentu (Ajzen, 2011).

### a) Sikap Terhadap Tingkah Laku

Merupakan tingkah laku yang dikaitkan dengan sifat-sifat positif dan hasil yang positif (Ajzen, 2011). Ia dikonseptkan sebagai penilaian keseluruhan sama ada positif atau negatif dalam melaksanakan tingkah laku tersebut (Jimmieson, Peach, & White, 2008). Dalam kajian ini, sikap terhadap tingkah laku merujuk kepada penilaian seseorang terhadap tingkah laku.

### b) Norma Subjektif



tidak melaksanakan tingkah laku tertentu (Jimmieson et al., 2008).

Merupakan persekitaran sosial yang dilihat daripada keluarga dan rakan-rakan dalam memulakan usaha (Fretschner & Weber, 2013).

Dalam kajian ini, norma subjektif merujuk kepada kepercayaan terhadap seseorang yang dikenali dan mempengaruhi tingkah laku yang ingin lakukan.

### c) Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat

Mencerminkan sejauh mana tingkah laku yang dilihat berada di bawah kawalan (Jimmieson et al., 2008). Ia juga merupakan tahap tanggapan kawalan seseorang ke atas proses membentuk usaha baru (Fretschner & Weber, 2013). Dalam kajian ini, kawalan tingkah laku yang dilihat





merujuk kepada persepsi individu terhadap tingkah laku mereka untuk mencapai matlamat.

### 1.10.3 Personaliti Proaktif

Merujuk kepada kecenderungan individu yang agak stabil ke arah tingkah laku proaktif dan diperlukan untuk pencapaian, dominasi dan lokus kawalan (Bateman & Crant, 1993). Ia ditakrifkan sebagai konstruk yang mengenal pasti perbezaan antara individu terhadap sejauh mana mereka bertindak untuk mempengaruhi persekitaran mereka dan merupakan sifat personaliti yang unik (Crant & Bateman, 2000). Dalam kajian ini, personaliti proaktif merujuk kepada individu yang mengambil peluang untuk mengubah persekitaran dan membawa perubahan.



### 1.11 Rumusan

Bab ini membentangkan skop dan arah kajian manakala fokus utamanya adalah untuk menerangkan persoalan utama berkenaan liputan kajian ke atas faktor yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar selepas tamat pengajian. Dalam bab seterusnya, perbincangan akan memberi tumpuan kepada kajian literatur dan menonjolkan hasil yang lalu untuk menyokong pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini memperihalkan tentang ulasan karya berkaitan hasil kajian-kajian yang pernah dijalankan. Perbincangan ini meliputi definisi konsep penting usahawan dan keusahawanan, hasrat keusahawanan, TPB, kajian TPB terhadap hasrat keusahawanan, personaliti proaktif dan kajian-kajian yang lalu yang melihat personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 2.2 Usahawan

Perkataan usahawan telah dicipta oleh seorang ahli ekonomi Perancis iaitu Jean Baptiste di sekitar tahun 1800 yang menganggap usahawan sebagai orang yang memindahkan sumber daripada seseorang individu yang rendah produktiviti kepada individu lain yang lebih tinggi produktiviti dan keuntungannya serta mewujudkan nilai (Russell, 2008). Namun demikian, perkataan usahawan di Malaysia mula diketahui umum ketika penggubalan dan pelaksanaan DEB iaitu sekitar tahun 1970 (Mohd. Hassan, 2007).

Menurut Hapzarizal (2012), perkataan usahawan (*entrepreneur*) telah diambil daripada Bahasa Perancis iaitu *entreprendre* yang bermaksud sanggup memikul (*between taker*) atau seseorang mencuba sesuatu (*go-between*). Mereka ini begitu optimis dan mampu mengenal pasti potensi permintaan terhadap produk dan perkhidmatan (Norita et al., 2007).

Merujuk kepada para pengkaji lepas, pelbagai definisi usahawan yang telah diberikan namun bergantung kepada perspektif mana definisi itu dilihat. Bygrave (seperti yang dipetik dalam Newton, J. & Shreeve, D.G., 2002) telah mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang menunjukkan inisiatif, imaginasi, kreativiti dan fleksibiliti. Karlsson, Friis, dan Paulsson (2004) pula menyatakan bahawa aktiviti usahawan pada asasnya adalah kompetitif. Seterusnya, Fayolle (2007) pula berpendapat bahawa usahawan memiliki peranan tertentu yang penting dalam pertumbuhan sistem ekonomi liberal dengan mewujudkan syarikat dan mencipta pekerjaan di samping mengambil bahagian dalam pembaharuan fabrik ekonomi.





Mengulas lanjut berkaitan definisi usahawan, Cuervo et al. (2008) berpendapat bahawa penciptaan kekayaan dan dinamiknya sesebuah negara bergantung kepada daya saing syarikat-syarikat dan kapasiti usahawan-usahawan dan pengurus-pengurusnya. Manakala Sergiu Rusu, Florin Isac, Radu Cureteanu, dan Luiela Csorba (2012) menerangkan bahawa usahawan merupakan seorang ejen ekonomi dengan tingkah laku yang inovatif dan aktif dalam pasaran ekonomi moden.

Kesimpulannya, usahawan boleh ditakrifkan sebagai individu yang cuba menonjolkan peluang baru atau merebut peluang yang sedia ada, memanipulasikan peluang tersebut secara positif dan sanggup menghadapi risiko-risiko tidak kira sama ada yang dapat dilihat pada masa tersebut atau pada masa-masa hadapan.



### 2.3 Keusahawanan

Keusahawanan merupakan suatu istilah pelbagai dimensi (Carree & Thurik, 2005) yang merumitkan pengukuran tahap aktiviti keusahawanan dan kesannya ke atas prestasi ekonomi. Menurut Murphy, Liao, dan Welsch (2006), pemikiran keusahawanan telah berkembang dengan menawarkan konsep tindakan keusahawanan yang baru. Ini dibuktikan dengan banyaknya kajian teori dan empirikal yang menganggap bahawa sifat-sifat seperti pengambilan risiko, inovasi, keperluan pembangunan dan kecekapan pengurusan merupakan kualiti penting bagi keusahawanan (Karlsson et al., 2004).





Keusahawanan mungkin terlibat dalam fungsi ekonomi sebagai pembawa yang tidak menentu, sebagai pengedar sumber atau sebagai inovator. Keusahawanan mungkin juga merujuk kepada tingkah laku tertentu, ciri-ciri yang wujud, penciptaan organisasi baru atau peranan pemilik atau pengurus syarikat. Menurut Baron dan Henry (2010), keusahawanan merupakan salah satu bidang dengan evolusi yang paling pesat dalam ekonomi, pengurusan, kewangan dan undang-undang.

Klein (2008) menjelaskan bahawa bidang akademik keusahawanan merangkumi kewujudan peluang keusahawanan seperti sumber-sumber peluang, proses penemuan dan menilai peluang, pemerolehan sumber untuk mengeksloitasi peluang, tindakan mengeksloitasi peluang dan bagaimana menilai dan mengumpul sumber-sumber untuk mengeksloitasi peluang. Kenyataan tersebut disokong oleh

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi  
Page dan Ateljevic (2009) yang menyatakan bahawa antara masalah dalam mendefinisikan keusahawanan adalah kehadiran peluang yang menguntungkan dan kehadiran usahawan swasta kerana proses keusahawanan berlaku disebabkan oleh keputusan individu untuk bertindak bagi mendapatkan peluang.

Secara ringkasnya, apabila perniagaan telah maju, tingkah laku kolektif individu di dalam organisasi menjadi kritikal kepada kejayaannya. Oleh itu, keusahawanan merujuk bukan sahaja kepada reka bentuk idea perniagaan, tetapi juga untuk unjuran dan penyelenggaraan organisasi supaya aktiviti itu boleh terus berlaku (Panda, 2000). Walau bagaimanapun, menurut pendapat ahli-ahli ekonomi, keusahawanan menjadi sinonim dengan pencapaian individu dalam bidang perniagaan (Sergiu Rusu et al., 2012).





Kesimpulannya, keusahawanan merupakan suatu proses untuk mengenal pasti dan mencipta peluang-peluang dalam pasaran yang kompetitif supaya keuntungan yang maksimum dapat dicapai dengan berdepan risiko yang munasabah dalam usaha untuk mencapai kejayaan.

## 2.4 Hasrat Keusahawanan

Hasrat keusahawanan secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai kesedaran dan keyakinan individu yang berhasrat untuk menubuhkan perniagaan baru pada masa hadapan (Thompson, 2009). Menurut Choo dan Wong (2006), keusahawanan adalah pencarian maklumat yang boleh digunakan untuk membantu memenuhi matlamat penciptaan usaha. Manakala Klapper dan Love (2014) pula mendefinisikan hasrat keusahawanan sebagai proses kognitif yang mendorong seseorang untuk memperuntukkan sumber bagi memperoleh pengetahuan dan menumpukan tingkah laku ke arah memulakan aktiviti ekonomi dalam sektor rasmi di bawah satu bentuk undang-undang perniagaan. Oleh itu, hasrat keusahawanan merupakan kesanggupan seseorang menjalankan aktiviti keusahawanan atau bekerja sendiri (Nguyen, 2015).

Hasrat keusahawanan boleh digambarkan sebagai minat seseorang dalam memulakan perniagaan baru. Kim-soon et al. (2013) menyatakan bahawa hasrat merupakan pembentukan sikap manakala sikap bertindak sebagai perantara yang memberi kesan kepada hasrat keusahawanan. Menurut Shiri, Mahamodi, dan Hosseine (2013), kajian hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar adalah perlu untuk meramalkan tingkah laku keusahawanan yang akan menyediakan suatu tindakan dan





program untuk meningkatkan hasrat keusahawanan. Kenyataan ini disokong oleh Sadeghi, Mahommadi, Nosrati, dan Malekian (2013) yang menjelaskan bahawa hasrat ke arah kerjaya keusahawanan adalah penting dan bertindak sebagai titik permulaan untuk perniagaan baru dan bekerja sendiri.

Acs (2006) menyatakan bahawa keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat meningkatkan ekonomi sesebuah negara kerana ia boleh mewujudkan kekayaan kepada usahawan. Oleh yang demikian, hasrat pilihan kerjaya keusahawanan menjadi unsur utama utama dalam menentukan sama ada individu akan terlibat dalam bidang keusahawanan atau tidak (Franco, Haase, & Lautenschlager, 2010). Menurut Kadir, Salim, dan Kamarudin (2012), kecekapan hasrat menjadikannya boleh dilihat sebagai hasrat tingkah laku yang diramal. Hasrat juga

dikaitkan dengan faktor-faktor emosi yang boleh mempengaruhi tingkah laku sebagai panduan tindakan untuk melaksanakan tingkah laku. Kenyataan ini disokong oleh Sadeghi et al. (2013) yang menjelaskan bahawa penubuhan perniagaan baru merupakan hasil daripada hasrat untuk melibatkan diri dalam perniagaan.

Terdapat banyak kajian berkaitan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi telah dijalankan. Kajian yang dijalankan oleh Peng, Lu, dan Kang (2012) di China mendapati bahawa jantina dan peranan ibu bapa membawa kesan positif kepada hasrat pilihan kerjaya keusahawanan. Selain itu, kajian di Malaysia pula mendapati bahawa persepsi pelajar berkaitan bekerja sendiri adalah tinggi dan kebanyakannya mereka mempunyai hasrat untuk bekerja sendiri, walau bagaimanapun keberkesanan diri pelajar untuk menjadi seorang usahawan masih rendah (Malebana, 2013).





Pendedahan awal kepada keusahawanan juga merupakan salah satu peramal yang kuat ke arah hasrat keusahawanan (Hamidi, Wennberg, & Berglund, 2008). Walaupun sukar untuk memahami sebab-sebab di sebalik hasrat keusahawanan, tetapi hasrat adalah peramal yang terbaik kepada keusahawanan (Nor Hanis, 2015). Menurut Wu dan Wu (2008), memahami hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar boleh meramalkan dengan baik sama ada mereka akan mengambil tindakan yang sebenar untuk memulakan perniagaan baru atau tidak.

Menurut Bae, Qian, Miao, dan Fiet (2014), hasrat keusahawanan merupakan latar belakang yang cukup penting dalam tindakan keusahawanan. Kenyataan ini disokong oleh Eresia-Eke dan Gunda (2015) yang menjelaskan bahawa hasrat boleh meramalkan tingkah laku. Oleh itu, banyak penyelidikan telah menyiasat faktor-faktor yang membawa kepada hasrat keusahawanan (Linan, Urbano, & Guerrero, 2007; Degeorge & Fayolle, 2008; Linan, Cohard, & Guzman, 2008; Fitzsimmons & Douglas, 2011).

Turton dan Herrington (2012) menyatakan bahawa terdapat dua model yang sering digunakan untuk menyiasat hasrat keusahawanan. Athanasios Hadjimanolis dan Panikkos Poutziouris (2011) menyatakan bahawa model pertama iaitu model acara keusahawanan Shapero (SEE) yang diperkenalkan oleh Shapero dan Sokol (1982) menjelaskan bahawa hasrat keusahawanan seseorang individu dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu kebaikan, kemungkinan dan kecenderungannya untuk bertindak. Seterusnya, model kedua iaitu TPB yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991) menjelaskan bahawa hasrat tingkah laku individu dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu





sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat (Ajzen, 2005, 2012).

Menurut Krueger et al. (2000); Miralles, Riverola, dan Giones (2012), kedua-dua model adalah sesuai dan berkesan serta bernilai (Nabi, Holden, & Walmsley, 2010) dalam meramalkan hasrat keusahawanan. Walau bagaimanapun, Gelderen et al. (2008) menyatakan bahawa spesifikasi SEE mengelirukan manakala TPB menawarkan spesifikasi menyeluruh dan boleh dipercayai. Kenyataan ini disokong oleh Fayolle dan Linan (2014) yang mendapati bahawa model tingkah laku terancang Ajzen adalah paling menonjol dalam kajian hasrat keusahawanan. Oleh kerana sokongan padu daripada kajian sebelum ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan TPB dalam kajian ini. Jadual 2.1 menunjukkan ringkasan hasil kajian



## Jadual 2.1

### *Kajian Hasrat Keusahawanan*


Pengkaji	Tajuk	Faktor-Faktor	Konteks
Stewart, Lumtkin, dan Katz	2013	Ciri-Ciri Psikologi	Indonesia (Pelajar Ijazah Sarjana Muda)
Zhengxia, Genshu, dan Hui	2012	Norma Subjektif (Faktor Individu/Psikologi, Latar Belakang Keluarga dan Faktor Persekutuan Sosial)	China (Pelajar Universiti)
Xue, David dan, Liang	2011	Keperluan Untuk Pencapaian, Latar Belakang Perniagaan Keluarga dan Norma Subjektif	Malaysia (Pelajar Universiti)
Ghazali, Ibrahim, dan Zainol	2010	Trait Personaliti dan Faktor Persekutaran (Trait Ekonomi)	Malaysia (Pelajar Perniagaan)





## 2.5 TPB

Menurut Ajzen (2005), TPB adalah lanjutan daripada teori *reasoned action* yang telah dibangunkan oleh Ajzen dan Fishbein pada tahun 1980. TPB merupakan rangka kerja yang paling berpengaruh dan popular untuk meramal tingkah laku manusia (Ajzen & Cote, 2008). Dalam teori ini, hasrat dilaporkan sebagai peramal terbaik kepada tingkah laku apabila tingkah laku adalah di bawah kawalan kemauan (Ajzen & Fishbein, 2005). Selain itu, TPB adalah sebagai penentu serta-merta yang paling penting dalam tindakan hasrat seseorang untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu tindakan (Ajzen, 2005). Rajah 2.1 menunjukkan komponen-komponen dalam TPB Ajzen (1991).



Rajah 2.1. Model Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen  
Sumber: Diadaptasi daripada Ajzen (1991)

Hasrat seseorang individu untuk memulakan perniagaan boleh diramal dengan ketepatan yang tinggi daripada sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat (Ajzen, 2005, 2012). Sikap terhadap tingkah laku merujuk kepada sejauh mana seseorang mempunyai penilaian yang baik atau buruk terhadap tingkah laku yang berkenaan, persepsi kawalan tingkah laku merujuk kepada





rasa keberkesanan diri atau keupayaan untuk melaksanakan tingkah laku dan norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dilihat untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan tingkah laku (Ajzen, 2005; Ajzen & Cote, 2008).

Dalam model TPB, tingkah laku keusahawanan individu adalah hasil daripada hasrat. Hasrat merupakan fungsi kepada sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat (Roxas Cayoca-Panizales & de Jesus, 2008). Menurut Ajzen (2011, 2012), TPB dianggap sebagai rangka kerja yang berguna untuk mereka bentuk intervensi dan menilai setiap intervensi dalam melaksanakan tingkah laku. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan setakat hasrat sahaja. Jadual 2.2 meringkaskan kajian lepas yang mengaplikasikan TPB dalam kajian mereka.



### Kajian Berkaitan TPB

Pengkaji	Tahun	Tujuan
Kim-soon, Ahmad, Saberi, dan Tat	2013	Menyiasat pendorong (demografi, sikap, nilai dan faktor psikologi) dan halangan (sokongan kewangan dan pengambilan risiko) ke atas hasrat keusahawanan.
Peng, Lu, dan Kang	2012	Mengkaji pengaruh norma subjektif individu/faktor-faktor psikologi, faktor-faktor latar belakang keluarga dan faktor-faktor persekitaran sosial.
Paco, Ferreira, Raposo, Rodrigues, dan Dinis	2011	Kajian pendekatan psikologi dan tingkah laku untuk mengenal pasti pembolehubah yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar sekolah menengah.
Arifatul, Zainol, Zakiyah, dan Adura	2010	Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi hasrat pelajar untuk menjadi seorang usahawan berdasarkan model Teori Tingkah Laku Terancang (TPB)





## 2.6 TPB dan Hasrat Keusahawanan

### 2.6.1 Sikap Terhadap Tingkah Laku

Keusahawanan ditakrifkan sebagai satu bidang kajian yang mengkaji bagaimana, siapa dan dengan apa peluang untuk mewujudkan barang dan perkhidmatan pada masa depan ditemui, dinilai dan dieksplorasi (Shane & Venkataraman, 2000, ms 218). Eksplorasi peluang keusahawanan bergantung kepada persepsi usahawan tentang nilai jangkaan. Ajzen (2005) berpendapat bahawa sikap individu adalah daripada kepercayaan mereka berkenaan akibat melakukan tingkah laku tersebut. Kesan tingkah laku tersebut merujuk kepada kepercayaan tingkah laku, jangkaan hasil atau kos dan faedah (Ajzen & Fishbein, 2005).



Beberapa kajian telah menyiasat bagaimana kepercayaan penting atau hasil yang dilihat daripada keusahawanan menjelaskan hasrat untuk memulakan perniagaan. Menurut Volery, Muller, Oser, Naepflin, dan del Rey (2013), manfaat peribadi yang boleh dicapai daripada kerjaya keusahawanan merangsang hasrat keusahawanan. Selain itu, Choo dan Wong (2006) melaporkan bahawa kedua-dua ganjaran intrinsik dan ekstrinsik mempengaruhi hasrat untuk memulakan perniagaan. Seterusnya, kajian terdahulu mendedahkan bahawa sikap terhadap keusahawanan dipengaruhi oleh kepercayaan berkaitan dengan autonomi, kuasa, peluang ekonomi dan kesedaran diri (Kolvereid & Isaksen, 2006) serta kebebasan, aktualisasi diri dan kejayaan kewangan (Fretschner & Weber, 2013) .





Sikap terhadap kemerdekaan, pendapatan dan hak milik telah didapati berkaitan dengan hasrat keusahawanan (Douglas & Fitzsimmons, 2013). Menurut Schwarz, Wdowiak, Almer-Jarz, dan Breitenecker (2009) pula, hasrat untuk memulakan perniagaan dipengaruhi oleh sikap pelajar terhadap keusahawanan, perubahan, wang dan persepsi mereka mengenai sokongan universiti terhadap keusahawanan. Seterusnya, Saeed, Yousafzai, Yani-De-Soriano, dan Muffatto (2013) mendapati bahawa keinsafan diri, peranan dan pengiktirafan mempunyai pengaruh ke atas hasrat keusahawanan.

Selain itu, Vanevenhoven dan Liguori (2013) mendapati bahawa jangkaan hasil keusahawanan yang merangkumi ganjaran kewangan, kebebasan/autonomi, ganjaran peribadi dan keselamatan keluarga adalah signifikan dengan hasrat keusahawanan dan keberkesaan diri. Ini menunjukkan bahawa individu mempunyai hasrat yang kuat untuk memulakan perniagaan dan mempercayai bahawa mereka mampu untuk bertindak kepada pencapaian terhadap hasil keusahawanan. Oleh yang demikian, Linan, Nabi, dan Krueger (2013) merumuskan bahawa individu cenderung ke arah tingkah laku keusahawanan apabila individu yang rapat dengan mereka memberi kepercayaan dan penghargaan yang positif terhadap kemahiran mereka untuk melaksanakan tingkah laku.

Renko, Kroeck, dan Bullough (2012); Edelman, Brush, Manolova, dan Greene (2010) mengesahkan bahawa hasil keusahawanan memainkan peranan penting terhadap hasrat untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Di samping itu, individu memilih untuk menjadi usahawan kerana faedah yang diperolehi daripada keusahawanan (Douglas & Fitzsimmons, 2006; Steffens, Fitzsimmons, & Douglas,





2007) dan keinginan bekerja sendiri memperolehi kebaikan yang lebih besar daripada bekerja dengan orang lain (Segal, Borgia, & Schoenfeld, 2005).

Walau bagaimanapun, individu boleh mengalami faedah berpotensi atau kesusahan menjadi seorang usahawan dengan memerhatikan kesan-kesan daripada tindakan seseorang usahawan. Ini boleh memberi kesan yang positif atau negatif kepada sikap ke arah menjadi seorang usahawan dan juga hasrat keusahawanan (Uygun & Kasimoglu 2013; Marques, Ferreira, Gomes, & Rodrigues, 2012; Muofhe & du Toit, 2011). Dapatkan kajian-kajian terdahulu bersetuju bahawa sikap terhadap tingkah laku merupakan pembolehubah penting meramal hasrat keusahawanan. Jadual 2.3 merupakan ringkasan kajian-kajian terdahulu tentang hubungan sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan.



### Jadual 2.3

#### *Kajian Berkaitan Sikap Terhadap Tingkah Laku*

Pengkaji	Persampelan/ Lokasi/ Negara	Responden Sasaran	Dapatkan Utama
Leong (2008)	Open University Malaysia	Pelajar Ijazah Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Pengurusan dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan OUM	Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap tingkah laku tertentu dengan hasrat keusahawanan.
Dohse dan Walter (2009)	Jerman	Pelajar Jabatan Sains Komputer, Kejuruteraan Elektrik dan Perniagaan daripada 30 buah universiti awam di Jerman	Terdapat hubungan yang positif dan signifikan ke arah hasrat keusahawanan.

(bersambung)





### Jadual 2.3 (*sambungan*)

Pengkaji	Persampelan/ Lokasi/ Negara	Responden Sasaran	Dapatan Utama
Paco et al. (2011)	Sepanyol dan Portugal	48 pelajar sekolah menengah yang berumur antara 14 hingga 15 tahun yang telah menghadiri program pendidikan keusahawanan	Sikap peribadi mempunyai kesan yang paling penting pada hasrat keusahawanan dengan nilai positif yang sangat besar. Keputusan juga mengesahkan bahawa sikap peribadi adalah sangat penting untuk menjelaskan hasrat keusahawanan.

Berdasarkan ulasan kajian di atas, hipotesis berikut dibentuk oleh pengkaji:

Ho1a: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan.



### 2.6.2 Norma Subjektif

Norma subjektif berasal daripada kepercayaan individu terhadap individu atau kumpulan penting lain untuk meluluskan atau tidak meluluskan tingkah laku yang diberi atau perujuk sosial itu sendiri terlibat atau tidak terlibat dengan tingkah laku tersebut (Ajzen, 2005). Individu penting termasuk ibu bapa seseorang, pasangan, rakan-rakan rapat, rakan sekerja dan juga pakar-pakar dalam sesuatu tingkah laku. Apabila individu percaya bahawa perujuk yang mereka ter dorong untuk patuh merasakan bahawa mereka perlu melaksanakan tingkah laku, mereka akan menerima tekanan sosial untuk melaksanakannya dan sebaliknya. Kenyataan ini adalah selaras dengan kajian Lapista, Breugst, Hebllich, dan Patzelt (2012) yang menyatakan bahawa





individu lebih cenderung untuk memulakan perniagaan apabila mereka mempunyai hubungan dengan seseorang usahawan.

Norma subjektif juga dikenali sebagai norma sosial yang merujuk kepada tekanan sosial yang dilihat untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan tingkah laku yang dikehendaki (Ajzen, 1991). Tekanan daripada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat mempengaruhi perilaku seseorang untuk menjadi seorang usahawan. Menurut Mueller (2011); Iakovleva, Kolvereid, dan Stephan (2011); Angriawan, Conners, Furdek, dan Ruth (2012); Otuya, Kibas, Gichira, dan Martin (2013), norma subjektif mempunyai pengaruh ke atas hasrat untuk memulakan perniagaan. Oleh itu, individu lebih cenderung untuk membentuk hasrat untuk memulakan perniagaan apabila mereka berfikir bahawa orang lain yang dekat dengan mereka akan bersetuju



dengan mereka untuk berbuat demikian dan apabila mereka melihat orang-orang ini juga terlibat dalam tingkah laku yang sama.

Keadaan ini juga mempunyai kesan yang positif ke atas persepsi tentang keupayaan peribadi untuk melaksanakan tingkah laku dan daya tarikan tingkah laku tersebut (Linan, Urbano, & Guerrero, 2011; García-Rodríguez, Gil-Soto, Ruiz-Rosa, & Sene, 2013). Kajian yang dijalankan oleh Linan dan Chen (2009) mendapati bahawa norma subjektif adalah tidak penting dalam meramalkan hasrat keusahawanan. Kenyataan tersebut adalah bertentangan dengan kajian Yordanova dan Tarazon (2010) yang mendapati bahawa norma subjektif adalah penting dalam meramalkan hasrat keusahawanan. Sebaliknya, kajian Peterman dan Kennedy (2003); Veciana, Aponte, dan Urbano (2005) mengabaikan pembolehubah norma subjektif





dalam mengukur hasrat keusahawanan. Jadual 2.4 menunjukkan ringkasan kajian-kajian lalu ke atas norma subjektif.

Jadual 2.4

*Kajian Berkaitan Norma Subjektif*

Pengkaji	Tajuk Kajian	Tahun	Hubungan Norma Subjektif dengan Hasrat Keusahawanan
Kolvereid dan Isaksen	Memulakan Perniagaan Baru dan Kemasukan Berikutnya Ke Dalam Bekerja Sendiri	2006	Signifikan
Linan dan Chen	Pembangunan dan Aplikasi Silang Budaya Ke Atas Instrumen Tertentu Untuk Mengukur Hasrat Keusahawanan	2009	Tidak Signifikan
Yordanova dan Tarazon	Perbezaan Jantina Dalam Hasrat Keusahawanan: Bukti Dari Bulgaria	2010	Signifikan



Berdasarkan ulasan kajian, pengkaji telah membangunkan hipotesis berikut:

Ho1b: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan.

### 2.6.3 Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat

Persepsi kawalan tingkah laku merujuk kepada penilaian seseorang individu tentang sejauh mana mereka mampu melaksanakan tingkah laku yang diberikan. Ia ditentukan oleh kepercayaan kawalan tentang adanya faktor-faktor yang boleh memudahkan atau menghalang prestasi tingkah laku (Ajzen & Cote, 2008). Faktor-faktor ini mungkin terdiri daripada faktor luaran atau dalaman dan termasuk sumber dan peluang yang





tersedia, maklumat, kemahiran dan kebolehan, emosi dan dorongan, pergantungan kepada orang lain, pengalaman masa lalu berkaitan tingkah laku dan faktor-faktor lain dalam melaksanakan tingkah laku yang berkenaan (Ajzen, 2005, 2011, 2012).

Individu lebih cenderung berasa mampu melaksanakan tingkah laku keusahawanan apabila mendapat kelulusan atau penghargaan positif dalam masyarakat (Linan et al., 2013). Penilaian positif tingkah laku keusahawanan dalam persekitaran rapat dan persekitaran sosial meningkatkan persepsi seseorang yang mempunyai kemahiran keusahawanan yang seterusnya akan mempengaruhi kawalan tingkah laku yang dilihat. Seterusnya, akan meningkatkan pengetahuan tentang persekitaran keusahawanan (kesedaran persatuan, sistem sokongan dan akses kepada pinjaman keutamaan) yang meningkatkan kawalan tingkah laku yang dilihat.



Menurut Uygun dan Kasimoglu (2013), pengalaman dalam sektor tertentu akan meningkatkan efikasi kendiri keusahawanan yang seterusnya akan mempengaruhi hasrat keusahawanan secara positif. Kenyataan ini mempunyai persamaan dengan Douglas dan Fitzsimmons (2013); Gird dan Bagraim (2008) yang melaporkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pengalaman bekerja sendiri terdahulu dengan hasrat keusahawanan. Selain itu, menurut Barnir, Watson, dan Hutchins (2011); Dohse dan Walter (2012), model peranan keusahawanan dapat meningkatkan keberkesanan diri dan menyumbang kepada pembangunan hasrat keusahawanan.

Menurut Ramos-Rodríguez, Medina-Garrido, LorenzoGómez, dan Ruiz-

Navarro (2010), kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan yang baik adalah





berkaitan dengan kepercayaan individu bahawa mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dan mengenali seseorang usahawan. Oleh yang demikian, institusi-institusi yang menyediakan sokongan keusahawanan dan perkhidmatan mereka (sama ada pembiayaan, maklumat, latihan, bimbingan atau bantuan teknikal) mestilah boleh diakses bagi memastikan kejayaan untuk menggalakkan individu memulakan perniagaan sendiri. Selain itu, peluang rangkaian dengan usahawan bagi berkongsi maklumat perlulah ditingkatkan. Secara tidak langsung, tindakan ini dapat meningkatkan kemampuan peribadi yang dilihat untuk memulakan perniagaan.

Selain daripada itu, Obschonka, Silbereisen, dan Schmitt-Rodermund (2010) menyatakan bahawa individu yang memiliki ciri-ciri dan personaliti keusahawanan di



awal usia akan mempunyai kepercayaan kawalan keusahawanan yang lebih tinggi dan membawa kepada hasrat keusahawanan yang lebih tinggi. Individu yang mempunyai pola personaliti keusahawanan seperti lokus kawalan kelihatan lebih yakin untuk berjaya. Obschonka et al. (2010) menjelaskan bahawa kepercayaan kawalan berkait rapat dengan konsep efikasi kendiri (Bandura, 1997) dan lokus kawalan (Rotter, 1990).

Selain itu, Basu dan Virick (2008); Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2009); Ruhle, Muhlbauer, Grunhagen, dan Rothenstein (2010); Paco et al. (2011) mencadangkan bahawa kawalan tingkah laku yang dilihat mempunyai pengaruh positif terhadap hasrat keusahawanan pelajar. Kenyataan tersebut disokong oleh Ruhle et al. (2010) yang menyatakan bahawa kawalan tingkah laku yang dilihat mempunyai





hubungan yang signifikan dengan hasrat di mana penilaian kendiri ke atas kawalan tingkah laku yang dilihat mempunyai kesan yang besar ke atas hasrat pelajar.

Walau bagaimanapun, Elfving, Brannback, dan Carsrud (2009) menyatakan bahawa efikasi kendiri tidak mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap hasrat keusahawanan dan sekiranya individu mempunyai efikasi kendiri yang tinggi, ini akan meningkatkan komitmen mereka ke arah keusahawanan dan membawa kepada motivasi yang lebih besar untuk memulakan perniagaan. Jadual 2.5 menunjukkan ringkasan kajian-kajian lepas tentang hubungan antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan.

Jadual 2.5



Pengkaji	Persampelan/ Lokasi/Negara	Responden Sasaran	Dapatan Utama
Kristiansen dan Indarti (2004)	Kolej Universiti Agder (AUC) di Kristiansand, Norway.	251 responden yang terdiri daripada 130 pelajar Indonesia dan 121 pelajar Norway.	PBC mempunyai pengaruh penting dan positif terhadap hasrat keusahawanan pelajar.
Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2009)	Universiti Gadjah Mada (UGM) di Yogyakarta, Indonesia.	1554 pelajar universiti tanpa mengira kursus mereka di Universiti.	PBC mempunyai pengaruh positif terhadap hasrat keusahawanan. Pelajar yang memerlukan pendedahan keusahawanan menunjukkan skor min yang lebih tinggi dalam PBC.

(bersambung)





### Jadual 2.5 (*sambungan*)

Pengkaji	Persampelan/ Lokasi/Negara	Responden Sasaran	Dapatan Utama
Paco et al. (2011)	Portugal	Pelajar daripada dua buah kelas menengah yang berumur antara 14 dan 15 tahun.	PBC mempunyai pengaruh positif terhadap hasrat keusahawanan pelajar.

Berdasarkan ulasan kajian tersebut, penyelidik telah membangunkan hipotesis berikut:

H01c: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan.

## 2.7 Personaliti Proaktif



Menurut Grant dan Ashford (2008), istilah personaliti proaktif dicipta oleh Swietlik pada tahun 1968 untuk mengintegrasikan pandangan yang pelbagai tentang struktur personaliti. Kemudian, Bateman dan Crant (1993) telah memperkenalkan konsep personaliti proaktif kepada bidang gelagat organisasi yang bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan antara individu berkenaan sejauh mana mereka mengambil tindakan untuk mempengaruhi persekitaran mereka.

Seterusnya, Allport, Freud, Maslow, dan Murray (1994) pula mengaplikasikan konsep personaliti sebagai personaliti bertindak balas atau personaliti proaktif (Grant & Ashford, 2008). Walau bagaimanapun, Bateman dan Crant (1993) mengkonsepsikan personaliti proaktif sebagai individu yang tidak





dihalang oleh desakan situasi serta apa-apa yang mempengaruhi perubahan alam sekitar dan kecenderungan tingkah laku yang stabil bagi mempengaruhi perubahan.

Personaliti proaktif merujuk kepada kecenderungan seseorang untuk menetapkan apa yang salah, mengubah keadaan dan menggunakan inisiatif untuk menyelesaikan masalah (Andy Schmitz, 2012). Menurut Brown, Cober, Kane, Levy, dan Shalhoop (2006), individu proaktif akan bertindak untuk memulakan perubahan yang bermakna dan menghapuskan halangan yang dihadapi serta cenderung untuk menjadi lebih berjaya dalam pencarian kerja mereka. Kenyataan ini disokong oleh Seibert (1999) iaitu individu proaktif lebih berjaya di sepanjang kerjaya mereka kerana mereka menggunakan inisiatif dan memperoleh pemahaman yang lebih besar berkaitan kerja mereka. Selain itu, Chan (2006) menjelaskan bahawa kejayaan



seseorang proaktif bergantung kepada pemahaman mereka tentang satu nilai teras, keupayaan dan kemahiran untuk melaksanakan tugas dan kemampuan untuk menilai situasi.

Konstruk personaliti proaktif dibina berdasarkan teori interaksiisme (Bowers, 1973; Schneider, 1983) dan teori kognitif sosial (Bandura, 1986). Dalam literatur psikologi dan tingkah laku organisasi, tema interaksiisme berpendapat bahawa tingkah laku adalah secara kawalan dalaman dan luaran; situasi adalah fungsi individu dan tingkah laku individu adalah fungsi kepada situasi (Bowers, 1973: 327). Begitu juga dengan teori kognitif sosial (Bandura, 1986) yang berpendapat bahawa individu, persekitaran dan tingkah laku secara berterusan akan mempengaruhi antara satu sama lain dan hubungan mereka mempunyai ciri-ciri sebab dan akibat. Oleh itu, konsep





personaliti proaktif mencerminkan pandangan bahawa individu mempunyai kawalan dalam mencipta dan membentuk persekitaran mereka.

Untuk itu, Bateman dan Crant (1993) telah membangunkan Skala Personaliti Proaktif (PPS) untuk mengukur konstruk ini dan memberikan bukti kepada kesahan menumpu, diskriminan dan kesahan ramalan skala. Kajian pertama untuk membangunkan skala awal bagi menilai konstruk telah dijalankan ke atas 282 orang mahasiswa dan telah mencadangkan bahawa personaliti proaktif adalah skala unidimensional 17 item dengan ciri-ciri psikometrik. Kemudian, kajian dijalankan ke atas 130 orang pelajar ijazah pertama bagi menentukan hubungan antara skala proaktif dengan domain personaliti *Big Five*; stres kerja, *extraversion*, keterbukaan, *agreeableness* dan sifat berhati-hati. Seterusnya, kajian ke atas 148 orang pelajar



Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) bagi menilai hubungan skala proaktif dengan tiga personaliti dan tiga pengukuran kriteria. Hasil kajian menunjukkan bahawa personaliti proaktif adalah berbeza tetapi berkaitan dengan kesedaran diri, keperluan kepada pencapaian, keperluan kepada dominasi dan lokus kawalan.

Oleh yang demikian, beberapa kajian telah menunjukkan kesahihan konstruk personaliti proaktif yang konsisten seperti yang dinilai dalam skala personaliti proaktif (Crant, 1995, 1996; Crant & Bateman, 2000; Major, Turner, & Fletcher, 2006). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa personaliti proaktif adalah unik dan tidak serupa dengan personaliti lain seperti model lima faktor. Ini dibuktikan oleh kajian Crant (1995) yang mendapati bahawa personaliti proaktif meramalkan prestasi jualan melebihi sifat berhati-hati dan *extraversion*. Selain itu, Crant dan Bateman (2000) mendapati hanya terdapat korelasi yang sederhana dengan model lima faktor





personaliti. Begitu juga dengan kajian Major, Turner, dan Fletcher (2006) yang mencadangkan bahawa personaliti proaktif mempunyai peningkatan kesihihan yang ketara dalam meramal motivasi untuk belajar.

Personaliti proaktif dicadangkan sebagai pembolehubah perbezaan individu yang stabil dan dapat mengenal pasti perbezaan antara individu tentang sejauh mana mereka mengambil tindakan untuk mempengaruhi persekitaran mereka (Bateman & Crant, 1993: 103). Bateman dan Crant (1993) telah membangunkan PPS bagi mengukur konstruk ini yang dapat menerangkan kesahan menumpu, diskriminan dan kesahan ramalan skala. Menurut Chan (2006); Erdogan dan Bauer (2005); Frese dan Fay (2001); Parker, Bindl, dan Strauss (2010), proaktif merupakan satu kelayakan yang sangat wajar untuk kebanyakan pekerjaan. Parker dan Collins (2010); Zhang,

Wang, dan Shi (2012) pula menyatakan bahawa personaliti proaktif merupakan salah satu latar belakang penting dalam tingkah laku proaktif di tempat kerja.

Selain itu, personaliti proaktif adalah berkaitan dengan kejayaan kerjaya (Erdogan & Bauer, 2005; Seibert, Crant, & Kraimer, 1999); prestasi kerja (Thompson, 2005); transformasi (Bateman & Crant, 1993); kepimpinan berkarisma (Crant & Bateman, 2000) dan kejayaan pencarian kerja (Brown, Cober, Kane, Levy, & Shalhoop, 2006). Di samping itu, personaliti proaktif juga dapat meramalkan pelbagai bentuk motivasi proaktif dan tingkah laku proaktif seperti peranan dan keberkesanan diri (Parker, Williams, & Turner, 2006), tanggungjawab untuk perubahan yang membina (Fuller, Marler, & Hester, 2006) dan tingkah laku dan caj pengambilan (Fuller & Marler, 2009).





Kajian yang dijalankan oleh Ismail et al. (2009) ke atas 123 orang pelajar Universiti Teknologi Malaysia UITM di Perlis mendapati bahawa faktor personaliti (keterbukaan) meramal hasrat keusahawanan pelajar. Manakala Drost (2010) yang menjalankan kajian ke atas pelajar perniagaan Finland mendapati bahawa pendidikan keusahawanan, pengalaman keusahawanan, personaliti proaktif dan efikasi kendiri keusahawanan meramalkan hasrat keusahawanan. Jadual 2.6 menunjukkan ringkasan kajian-kajian lalu ke atas personaliti proaktif.

#### Jadual 2.6

##### *Kajian Berkaitan Personaliti Proaktif*

Pengkaji	Tahun	Dapatkan
Ng, Eby, Sorensen, dan Feldman  Fuller dan Marler	2005	Personaliti proaktif adalah berkaitan secara positif dengan gaji, kenaikan pangkat dan kepuasan individu yang proaktif lebih berjaya dalam kerjaya mereka
Daniel Spurk, Judith Volmer, Tamara Hagmaier, dan Simone Kauffeld	2013	Personaliti proaktif adalah berhubungan secara positif dengan gaji, bonus, kenaikan pangkat, kepuasan kerja, kepuasan kerjaya, pemasaran dalam dan pemasaran luaran.

Berdasarkan literatur terdahulu yang dibincangkan di atas, hipotesis berikut telah dibangunkan oleh pengkaji iaitu:

Ho1d: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibincangkan di atas, penyelidik belum menjumpai kajian-kajian yang melihat hubungan kedua-dua pembolehubah iaitu TPB dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar. Selain itu juga,





penyelidik masih belum menjumpai kajian yang melihat pembolehubah personaliti proaktif dalam kajian keusahawanan di Malaysia khususnya terhadap pelajar-pelajar tingkatan enam. Kenyataan ini disokong oleh Samydevan, Piaralal, Othman, dan Osman (2015) yang menjelaskan bahawa belum ada kajian yang dilakukan berkaitan dengan hasrat keusahawanan terhadap pelajar-pelajar Pra-Universiti di Malaysia.

Oleh yang demikian, penyelidik berhasrat untuk melihat pengaruh TPB dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah dengan melihat hubungan antara kedua-dua pembolehubah dengan hasrat keusahawanan pelajar. Dengan itu, penyelidik telah membangunkan hipotesis berikut:

Ho2: Tidak terdapat faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan



## 2.8 Rumusan

Bab ini meliputi kajian literatur yang berkaitan dengan konsep dan definisi usahawan dan keusahawanan, hasrat keusahawanan, TPB dan personaliti proaktif. TPB dipilih sebagai alat yang paling sesuai dalam menentukan hasrat keusahawanan. Individu yang mempunyai personaliti proaktif dapat membuat perubahan dan menyelesaikan sesuatu masalah. Oleh yang demikian, penyelidik telah mengaplikasikan TPB dan PPS bagi mengkaji hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 3

### METODOLOGI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengkaji pengaruh TPB dan personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah. Aspek yang dibincangkan dalam bab ini ialah reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen pengukuran pembolehubah kajian, prosedur kajian, kajian rintis, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian, analisis data dan rumusan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan (*survey*) merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular dan digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains sosial (Piaw, 2011). Kaedah tinjauan sering digunakan dalam penyelidikan khususnya pendidikan keusahawanan di IPT (Buang & Yasin, 2008). Menurut Wiersma (2002), kaedah tinjauan yang dirancang dan dihasilkan mengikut amalan-amalan yang standard dapat menghasilkan keputusan-keputusan yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Kajian ini dijalankan secara kajian kuantitatif untuk menilai pengaruh TPB dan



personaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah. Pembolehubah bebas yang digunakan dalam kajian ini ialah komponen dalam TPB iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat serta personaliti proaktif. Manakala pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah hasrat keusahawanan. Menurut VanderStoep dan Johnson (2009), kajian kuantitatif dapat menghasilkan penemuan daripada sampel kajian dengan lebih tepat bagi menggambarkan populasi kajian. Kajian kuantitatif bergantung kepada pengukuran untuk membanding dan menganalisis pelbagai pembolehubah (Bless & Higson-Smith, 2000) dan data kuantitatif mudah dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik (Litosseliti, 2010).

Data dalam kajian ini dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian. Penggunaan kaedah ini akan memudahkan pengkaji





mengumpul data dan sampel kajian dan responden hanya memerlukan masa yang singkat untuk melengkapkan soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik sering digunakan kerana ia merupakan satu kaedah yang cekap dan berkesan untuk mengumpul data (Sekaran, 2003). Manakala menurut Mohd Majid Konting (2005), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Selain itu, aspek kerahsiaan maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik juga merupakan satu kekuatan yang jelas yang ada di dalam penggunaan borang soal selidik yang telah dibina (Whelan, 2007).

### 3.3 Populasi dan Sampel Kajian



Populasi adalah keseluruhan kumpulan manusia, objek mahupun peristiwa yang mempunyai sedikit persamaan secara umumnya dan ia mestilah didefinisikan secara spesifik (Yahaya et al., 2006). Menurut Fraenkel dan Wallen (2006), populasi ialah kumpulan sasaran pengkaji bagi membolehkan sesuatu dapatan kajian diaplikasikan. Noraini (2010) pula menyatakan bahawa populasi ialah kumpulan yang menarik minat penyelidik yang membolehkan penyelidik membuat generalisasi melalui dapatannya.

Penentuan bilangan sampel dalam sesuatu kajian amat penting supaya sampel tersebut dapat mewakili populasi yang dikaji (Mohd Najib, 1999). Menurut Sekaran (2003), persampelan bermaksud proses memilih jumlah unsur-unsur daripada populasi yang mencukupi dan sampel unsur-unsur ini boleh mewakili ciri-ciri keseluruhan populasi. Manakala Gay dan Airasian (2003) pula menjelaskan bahawa sampel kajian





merupakan individu, item atau acara yang dipilih daripada kumpulan yang lebih besar iaitu populasi. Seterusnya, Noraini (2010) menyatakan tujuan persampelan adalah untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu populasi.

Penyelidik telah berusaha untuk mendapatkan suatu persampelan yang benar-benar mewakili populasi. Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan persampelan mudah (*convenience sampling*). Persampelan bertujuan melibatkan pertimbangan individu untuk memilih iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan penyelidikan (Noraini, 2010). Menurut Leedy dan Ormrod (2010); Maree (2010), persampelan bertujuan melibatkan pemilihan orang untuk tujuan tertentu. Oleh itu, penyelidik memilih pelajar-pelajar tingkatan enam yang mengambil mata pelajaran pengajian perniagaan sebagai sampel kajian ini

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kerana mereka lebih menyedari tentang proses perniagaan dan keperluan untuk memulakan perniagaan. Tambahan pula, pelajar-pelajar perniagaan lebih tahu apa sebenarnya perniagaan, bagaimana ia bermula, bagaimana ia diurus dan apakah faktor-faktor yang menyumbang ke arah kejayaan atau kegagalan perniagaan (Gelderken et al., 2008).

Menurut Sekaran dan Bougie (2010), persampelan mudah membolehkan penyelidikan untuk mendapatkan 200 set soal selidik yang dijawab dengan cepat dan ekonomi serta memudahkan penyelidik. Noraini (2010) pula menjelaskan dalam kaedah ini, sampel dipilih kerana ahli sampel mudah diakses dan hampir dengan tempat kerja atau rumah supaya penyelidikan mudah dilakukan. Oleh itu, di dalam kajian ini penyelidik telah memilih sekolah-sekolah berdekatan yang menawarkan





mata pelajaran pengajian perniagaan serta telah mendapat kebenaran pengetua dan bersetuju untuk mengambil bahagian di dalam kajian ini.

Asas dalam penentuan saiz sampel ( $N$ ) adalah berdasarkan formula yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan (1970) di mana ralat sebenarnya adalah jumlah ralat yang boleh dipertimbangkan dalam menganggar saiz sampel daripada populasi yang ditujukan. Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam di Negeri Kedah. Bilangan pelajar tingkatan enam di Negeri Kedah adalah seramai 1100 orang berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Menurut Krejcie dan Morgan (1970) bilangan populasi 1100 orang memerlukan responden seramai 285 orang sebagai saiz sampel. Analisis unit kajian ini ialah seorang individu yang merupakan seorang pelajar.



Oleh itu, sebanyak 285 set soal selidik telah diedarkan kepada responden dan hanya 210 borang telah dikembalikan kepada penyelidik. Ini menjadikan kadar tindak balas sebanyak 73.68 peratus. Daripada jumlah 210 soal selidik yang dikumpul, hanya 179 soal selidik boleh digunakan untuk analisis selanjutnya menjadikan kadar respon yang sah adalah 62.80 peratus. Kadar tindak balas ini boleh dianggap memadai kerana menurut Sekaran (2006) kadar respon sebanyak 30 peratus boleh diterima untuk kaji selidik.





### 3.4 Instrumen Pengukuran Pembolehubah Kajian

Instrumen merupakan alat yang digunakan untuk mengukur tingkah laku manusia dan bukan fizikal manusia dan instrumen yang baik adalah bercirikan keobjektiviti, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan (Mohd Najib, 1999). Semua penyelidik memerlukan instrumen bagi membuat kesimpulan yang tepat berkenaan ciri yang diselidiki (Ary et al., 2002)

Oleh itu, bagi tujuan mendapatkan data terhadap hasrat keusahawanan, satu set soal selidik yang lengkap dengan jumlah item sebanyak 38 soalan telah digunakan untuk mengumpul maklumat. Item dalam soal selidik tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A berkaitan demografi responden seperti jantina, bangsa, agama, kawasan tempat tinggal, bilangan adik beradik, pengalaman bekerja secara sambilan, jenis pekerjaan ibu bapa atau penjaga dan pendapatan bulanan ibu bapa atau penjaga. Bahagian B pula terdiri daripada 14 item dikhaskan untuk memperoleh maklumat berhubung dengan komponen TPB manakala Bahagian C soal selidik terdiri daripada 10 item untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan personaliti proaktif. Bahagian terakhir pula iaitu Bahagian D terdiri daripada 6 item bagi mengukur hasrat keusahawanan.

Instrumen yang digunakan untuk mengukur komponen TPB dan hasrat keusahawanan adalah daripada Soal Selidik Hasrat Keusahawanan (EIQ) yang diubahsuai oleh Linan et al. (2007) daripada versi asal yang dibangunkan oleh Linan dan Chen (2006). Manakala instrumen yang digunakan untuk mengukur personaliti proaktif diambil daripada PPS 10 item yang diubahsuai oleh Seibert, Crant, dan





Kraimer (1999) daripada versi asal PPS 17 item yang dibangunkan oleh Bateman dan Crant (1993). Menurut Seibert, Crant, dan Kraimer (1999), pengguguran 7 item tidak memberi kesan ketara ke atas kebolehpercayaan (17 item  $\alpha = 0.88$ ; 10 item  $\alpha = 0.86$ ).

### 3.4.1 Pengukuran Teori Tingkah Laku Terancang

Instrumen yang digunakan untuk mengukur komponen TPB diperolehi daripada versi yang diubahsuai daripada soal selidik EIQ yang digunakan oleh Linan et al. (2007) dijadikan sebagai pembolehubah tidak bersandar untuk kajian ini. Di dalam EIQ, terdapat 14 item termasuk item yang diterbalikkan telah digunakan untuk mengukur tiga komponen TPB iaitu 5 item mengukur sikap terhadap tingkah laku, 3 item mengukur norma subjektif dan 6 item mengukur kawalan tingkah laku yang dilihat.



Jadual 3.1

14 Item Elemen TPB

Elemen TPB	Soalan	No. Item	Pernyataan Item
Sikap Terhadap Tingkah Laku	Kerjaya sebagai seorang usahawan adalah sama sekali tidak menarik minat saya	2	Negatif
	Menjadi usahawan akan memberikan saya kepuasan yang luar biasa	4	
	Menjadi seorang usahawan membawa lebih banyak manfaat dan kebaikan daripada keburukan pada saya	9	
	Jika saya mempunyai sumber-sumber dan peluang, saya suka memulakan perniagaan sendiri	10	
	Di antara pelbagai pilihan, adalah lebih baik untuk saya tidak terlibat dalam bidang usahawan	12	Negatif

(bersambung)





### Jadual 3.1 (*sambungan*)

Elemen TPB	Soalan	No. Item	Pernyataan Item
Norma Subjektif	Rakan-rakan bersetuju dan menerima akan keputusan saya untuk menjadi usahawan Keluarga terdekat saya bersetuju dan menerima akan keputusan saya untuk memulakan perniagaan Rakan-rakan sekerja saya bersetuju dan menerima akan keputusan saya untuk memulakan perniagaan	3 8 11	
Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat	Memulakan perniagaan dan mempertahankannya untuk terus berkembang dan maju adalah mudah bagi saya Saya percaya saya sememangnya tidak mempunyai kebolehan untuk memulakan perniagaan Amat sukar untuk saya membangunkan idea-idea dan perancangan dalam perniagaan Saya berkebolehan untuk mengawal proses pembentukan sebuah perniagaan baru Saya mengetahui segala amalan secara terperinci untuk memulakan perniagaan Jika saya mencuba untuk memulakan perniagaan, saya mempunyai peluang yang tinggi untuk berjaya	1 5 6 7 13 14	Negatif Negatif



EIQ yang dibangunkan oleh Linan et al. (2007) menggunakan skala likert tujuh mata bagi mengukur tahap persetujuan atau ketidaksetujuan terhadap komponen TPB. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengukuran TPB menggunakan skala likert lima mata untuk menentukan sejauh mana persetujuan atau ketidaksetujuan terhadap kenyataan berhubung dengan TPB bertujuan untuk meningkatkan kebolehpercayaan penilaian. Menurut Elmore dan Beggs (1975), skala lima mata adalah baik dan peningkatan daripada lima kepada tujuh atau sembilan mata pada skala penilaian tidak meningkatkan kebolehpercayaan penilaian. Ini adalah konsisten





dengan Dawes, J. G. (2012) yang mendapati bahawa skala likert lima dan tujuh mata menghasilkan skor min yang sama.

Kedudukan skala adalah daripada sangat tidak bersetuju dengan nilai 1 hingga amat bersetuju dengan nilai 5. Item yang diterbalikkan dijaringkan sewajarnya. Nilai 1 merujuk kepada sangat tidak bersetuju, 2 untuk tidak bersetuju, 3 untuk sama ada bersetuju atau tidak, 4 untuk bersetuju dan 5 untuk amat bersetuju.

### **3.4.2 Pengukuran Personaliti Proaktif**

Instrumen yang digunakan untuk mengukur personaliti proaktif dalam kajian ini diperolehi daripada versi yang dihasilkan oleh Seibert, Crant, dan Kraimer (1999) iaitu



PPS 10-item. Di dalam PPS, terdapat 10 item yang telah digunakan untuk mengukur

persoaliti proaktif seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2

*10 Item Personaliti Proaktif*

Pembolehubah	Soalan	No. Item
Personaliti Proaktif	Saya sentiasa mencari cara-cara baru untuk memperbaiki kehidupan saya	1
	Di mana sahaja saya berada, mempunyai kuasa yang kuat untuk perubahan yang membina	2
	Tidak ada yang lebih menarik daripada melihat idea-idea saya menjadi realiti	3
	Jika saya melihat sesuatu yang saya tidak suka, saya akan memperbaikinya	4
	Tidak kira apa jua cabaran, jika saya percaya kepada sesuatu, saya akan menjadikannya satu kenyataan	5

(bersambung)





### Jadual 3.2 (*sambungan*)

Pembolehubah	Soalan	No. Item
Personaliti Proaktif	Saya suka menjadi juara untuk idea-idea saya, walaupun terhadap pembangkang yang lain.	6
	Saya cemerlang dalam mengenal pasti peluang.	7
	Saya sentiasa mencari cara-cara yang lebih baik untuk melakukan sesuatu perkara	8
	Jika saya percaya sesuatu idea, tiada halangan akan menghalang saya daripada membuat ia berlaku	9
	Saya boleh melihat peluang yang baik lama sebelum orang lain boleh lihatnya	10

PPS yang dibangunkan oleh Seibert, Crant, dan Kraimer (1999) menggunakan skala likert tujuh mata bagi menyatakan tahap persetujuan responden terhadap personaliti proaktif. Namun, dalam kajian ini, pengukuran personaliti proaktif menggunakan skala likert lima mata untuk menentukan tahap persetujuan terhadap kenyataan yang berkaitan. Skala lima mata adalah baik dan peningkatan daripada lima kepada tujuh atau sembilan mata pada skala penilaian tidak meningkatkan kebolehpercayaan penilaian (Elmore & Beggs, 1975). Ini adalah konsisten dengan Dawes, J. G. (2012) yang mendapat bahawa skala likert lima dan tujuh mata menghasilkan skor min yang sama.

Kedudukan skala adalah daripada sangat tidak bersetuju dengan nilai 1 hingga amat bersetuju dengan nilai 5. Nilai 1 merujuk kepada sangat tidak bersetuju, 2 untuk tidak bersetuju, 3 untuk sama ada bersetuju atau tidak, 4 untuk bersetuju dan 5 untuk amat bersetuju.





### 3.4.3 Pengukuran Hasrat Keusahawanan

Petunjuk hasrat keusahawanan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada soal selidik EIQ yang telah diubahsuai oleh Linan et al. (2007). Menurut Linan et al. (2007), item-item yang mengukur konstruk utama diarahkan secara rawak dan beberapa item yang telah diterbalikkan juga termasuk dalam kajian mereka bagi mengelakkan persetujuan berat sebelah. Hasrat keusahawanan merupakan pembolehubah bersandar kajian ini. Terdapat 6 item yang termasuk dalam EIQ untuk mengukur hasrat keusahawanan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.3:

*6 Item Hasrat Keusahawanan*



Hasrat Keusahawanan	Pembolehubah	Pernyataan	No.	Item
			Item	Item
		Saya bersedia melakukan apa saja untuk menjadi usahawan	1	
		Saya akan berusaha sedaya upaya untuk memulakan dan mengendalikan perniagaan saya	2	
Hasrat Keusahawanan	Soalan	Saya mempunyai keraguan yang serius untuk memulakan perniagaan baru	3	Negatif
		Saya berazam untuk memulakan perniagaan pada masa hadapan	4	
		Matlamat utama saya adalah untuk menjadi usahawan	5	
		Saya mempunyai hasrat yang sangat sedikit untuk memulakan perniagaan baru	6	Negatif

Pengukuran hasrat keusahawanan menggunakan skala likert lima mata untuk menentukan sejauh mana persetujuan responden dengan kenyataan tentang hasrat keusahawanan. Respon adalah daripada sangat tidak bersetuju dengan nilai 1 hingga





sangat bersetuju dengan nilai sebanyak 5. Item yang diterbalikkan dijaringkan sewajarnya. Nilai 1 merujuk kepada sangat tidak bersetuju, 2 untuk tidak bersetuju, 3 untuk sama ada bersetuju atau tidak, 4 untuk bersetuju dan 5 untuk sangat bersetuju.

### 3.5 Prosedur Kajian

Kajian yang dijalankan ini melibatkan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu terdapat beberapa prosedur yang perlu dipatuhi sebelum kajian dapat dijalankan. Penyelidik terlebih dahulu menghantar surat kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian. Setelah



kelulusan daripada EPRD diperolehi, penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat. Kemudian, penyelidik berjumpa sendiri dengan pengetua sekolah yang berkenaan untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian. Seterusnya, penyelidik berjumpa dengan guru yang terlibat dan menerangkan secara ringkas tentang kajian yang dijalankan. Soal selidik yang telah dijawab oleh pelajar sekolah yang terlibat akan dipungut pada keesokan harinya.





### 3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan sebelum kajian sebenar dilaksanakan untuk meningkatkan kesahan dalaman instrumen kajian. Kenyataan ini disokong oleh Yahaya et al. (2006) yang menjelaskan bahawa penyelidik perlulah menjalankan kajian rintis bagi setiap instrumen soal selidik yang dibentuk bagi mengukur kesahan soalan soal selidik tersebut. Menurut Piaw (2011), kebaikan melaksanakan kajian rintis ialah data yang dikumpulkan mungkin akan memberi amaran kepada penyelidik bahawa kajian sebenar yang akan dilakukan akan bermasalah, garis kasar cadangan kajian kurang mantap atau instrumen kajian yang digunakan kurang sesuai.

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini telah diuji buat pertama kalinya



Kepada 40 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan SMK Syed Alwi, Perlis. Tujuan menjalankan kajian rintis adalah untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam soal selidik serta menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian. Hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan, pelajar dapat memahami dengan baik soalan-soalan yang diutarakan di dalam soal selidik. Dengan ini, penyelidik boleh menjangka dan menyesuaikan diri dengan masalah yang mungkin berlaku semasa penyelidikan sebenar dijalankan.

#### 3.6.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila menggunakan pengukuran yang sama (Piaw, 2011). Selain itu,





kebolehpercayaan adalah sejauh mana pengukuran bebas daripada kesilapan dan dapat menghasilkan keputusan yang konsisten (Zikmund, 1994).

Kaedah yang biasa digunakan oleh penyelidik untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian adalah ujian kebolehpercayaan ketekalan dalaman (Litwin, 1995). Manakala Sekaran dan Bougie (2010) menjelaskan bahawa ujian yang paling terkenal untuk mengukur kebolehpercayaan ketekalan antara item adalah pekali alfa Cronbach. Alfa Cronbach merupakan indeks kebolehpercayaan yang berkaitan dengan perubahan yang dikira dengan skor sebenar (Hatcher, 1994). Alfa Cronbach digunakan untuk instrumen yang berskala pelbagai seperti skala likert (Noraini, 2010).

Oleh itu, ujian alfa Cronbach digunakan dalam kajian ini untuk mengukur



ketekalan dalaman instrumen kajian dan untuk meningkatkan tahap kebolehpercayaan instrumen kajian. Menurut Guilford dan Fruchter (1956), nilai indeks kebolehpercayaan dalaman sesuatu ujian yang paling memuaskan bermaklumat bernilai sekitar 0.70. Seterusnya Nunnally (1978) pula menegaskan bahawa nilai 0.7 dalam alfa Cronbach dianggap mencukupi untuk memastikan kebolehpercayaan ketekalan dalaman soal selidik. Manakala Pallant (2001) pula menyatakan nilai indeks alfa 0.70 atau ke atas adalah baik. Hair et al. (2010) merumuskan bahawa, kekuatan julat pekali alfa yang kurang daripada 0.6 menunjukkan lemah, 0.6 hingga 0.7 adalah sederhana, 0.7 hingga 0.8 adalah baik, 0.8 hingga 0.9 adalah sangat baik dan julat pekali alfa yang lebih besar daripada 0.9 menunjukkan sangat baik.

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen. Ujian rintis menggabungkan instrumen





yang dibangunkan oleh Linan et al, (2007) dan Seibert, Crant, dan Kraimer (1999) yang bersesuaian dengan objektif kajian ini. Keputusan ujian rintis ke atas TPB menunjukkan nilai pekali alfa 0.689. Manakala nilai pekali alfa bagi setiap elemen TPB ditunjukkan dalam Jadual 3.4 di bawah.

#### Jadual 3.4

##### *Skor Alfa Cronbach untuk Elemen TPB*

Elemen TPB	N (sah)	Bilangan Item	Alpha Cronbach
Sikap Terhadap Tingkah Laku	40	5	.628
Norma Subjektif	40	3	.639
Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat	40	6	.577

Seterusnya, keputusan ujian rintis untuk personaliti proaktif menunjukkan nilai



#### Jadual 3.5

##### *Skor Alfa Cronbach untuk Personaliti Proaktif*

	N (sah)	Bilangan Item	Alpha Cronbach
Personaliti Proaktif	40	10	.714

Akhir sekali, keputusan pada ujian rintis menunjukkan nilai pekali alfa bagi hasrat keusahawanan adalah 0.761.

Seterusnya, bagi kajian sebenar, keputusan kajian ke atas nilai pekali alfa bagi setiap elemen TPB ditunjukkan dalam jadual 3.6 di bawah.





### *Jadual 3.6*

#### *Skor Alfa Cronbach untuk Elemen TPB*

Elemen TPB	N (sah)	Bilangan Item	Alpha Cronbach
Sikap Terhadap Tingkah Laku	179	5	.735
Norma Subjektif	179	3	.708
Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat	179	6	.758

Berdasarkan jadual, nilai pekali alfa bagi setiap elemen TPB iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat adalah melebihi 0.7. Oleh itu, tiada item yang digugurkan. Ini selaras dengan pendapat Pallant (2001) dan Nunnally (1978) yang menyatakan nilai indeks alfa 0.70 atau ke atas adalah baik serta mencukupi untuk memastikan kebolehpercayaan ketekalan dalam soal selidik.



Seterusnya, keputusan kajian untuk personaliti proaktif menunjukkan nilai pekali alfa 0.731 seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.7 di bawah.

### *Jadual 3.7*

#### *Skor Alfa Cronbach untuk Personaliti Proaktif*

	N (sah)	Bilangan Item	Alpha Cronbach
Personaliti Proaktif	179	7	.731

Berdasarkan jadual, sebanyak 3 item (C1, C2 dan C10) daripada 10 item dibawah elemen personaliti proaktif telah digugurkan menjadikannya 7 item sahaja (C3, C4, C5, C6, C7, C8 dan C9). Sekiranya ketiga-tiga item tersebut tidak dibuang, nilai pekali alfa cronbach ialah 0.674. Tambahan pula nilai korelasi item bagi ketiga-tiga





item (C1, C2 dan C10) kurang daripada 0.3. Dengan menggugurkan tiga item tersebut, nilai pekali alfa cronbach telah melonjak kepada 0.731. Oleh yang demikian, dengan berpegang kepada pendapat Pallant (2001) dan Nunnally (1978) yang menyatakan bahawa, kekuatan julat pekali alfa yang baik dan mencukupi adalah 0.70 atau ke atas. Seterusnya, De Vaus (2002) pula menyatakan bahawa item yang nilai korelasi itemnya kurang daripada 0.3 adalah lemah dan harus digugurkan.

### 3.6.2 Kesahan Instrumen Kajian

Dalam konteks penyelidikan, kesahan merujuk kepada mengukur apa yang sepatutnya diukur (Kerlinger, 1986). Menurut Zikmund (2003), kesahan bermaksud keupayaan skala untuk mengukur apa yang dimaksudkan untuk diukur. Manakala Hair et al.



(2010) pula melihat kesahan sebagai sebuah mana pengukuran atau set pengukuran mewakili konsep kajian dengan betul dan sejauh mana ia bebas daripada sebarang kesilapan sistematik atau tidak rawak. Ini menunjukkan bahawa, instrumen penyelidikan yang digunakan haruslah mampu mengukur dengan tepat apa yang kita ingin ukur.

Ujian kesahan digunakan untuk mengukur kesahan soalan atau *validity* sesuatu soal selidik. Sesuatu soal selidik dikatakan sah jika persoalan atau item pertanyaan mampu untuk menggambarkan atau mengungkapkan sesuatu yang akan diukur oleh soal selidik tersebut (Hair et al., 1995). Walau bagaimanapun, Nunnally dan Bernstein (1994) mencadangkan bahawa terdapat tiga aspek penting bagi konstruk yang sah. Pertama, konstruk perlu dilihat sebagai perwakilan yang baik kepada domain yang berkaitan dengannya. Kedua, konstruk harus mewakili pengukuran alternatif dengan





baik. Ketiga, konstruk harus mempunyai perkaitan dengan konstruk yang lain. Terdapat beberapa kaedah yang dicadangkan untuk menilai kesahan menumpu dan kesahan diskriminan seperti analisis faktor dan korelasi. Oleh itu, bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan kesahan menumpu dan kesahan diskriminan yang dinilai dengan melakukan analisis faktor pengesahan (CFA).

CFA merujuk kepada perwakilan visual yang menetapkan model konstruk, pembolehubah penunjuk dan saling hubungan (Paswan, 2009). Ia menyediakan pengukuran kuantitatif bagi kebolehpercayaan dan kesahihan konstruk. CFA menentukan bilangan faktor keutamaan dan menetapkan struktur faktor tertentu di mana penyelidik menunjukkan faktor dengan item yang berkaitan. Selain daripada itu, CFA membolehkan para penyelidik untuk menentukan ralat pengukuran berkaitan serta mengekang beban dalam melaksanakan analisis statistik. Item yang digunakan dalam kajian ini dianggap sah dengan nilai analisis faktor  $-0.4 / 0.4$  atau lebih (Hair et al., 2006).

CFA dilakukan untuk menguji apakah sesuatu konstruk item itu mempunyai unidimensional atau apakah item dapat mengungkapkan atau mengesahkan sesuatu konstruk atau variabel. *Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy* (KMO MSA) adalah ujian yang digunakan untuk mengukur interkorelasi antara variabel dan seterusnya membenarkan analisis faktor dijalankan. Nilai KMO bervariasi daripada 0 hingga 1 dan nilai yang dikehendaki adalah  $> 0.5$  bagi membolehkan analisis faktor dilaksanakan. Nilai KMO 0.5 hingga 0.7 dikatakan *mediocre*, 0.7 hingga 0.8 adalah *good*, 0.8 hingga 0.9 adalah *great* dan lebih daripada 0.9 adalah *superb* (Hutcheson & Sofroniou, 1999).





Keputusan ujian rintis menunjukkan nilai KMO bagi TPB ialah 0.574, Personaliti Proaktif 0.602 dan Hasrat Keusahawanan 0.707. Ini menunjukkan bahawa analisis faktor boleh diteruskan.

Manakala bagi keputusan kajian, nilai KMO bagi setiap elemen TPB dan personaliti proaktif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.8 dan Jadual 3.9.

Jadual 3.8

*Analisis Faktor bagi Elemen TPB*

Elemen TPB	KMO	Bartlett's Test	Eigenvalues	% of Variance
Sikap Terhadap Tingkah Laku	0.735	156.45	2.336	46.72
Norma Subjektif	0.651	104.28	1.899	63.30
Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat	0.758	198.59	2.570	42.84



Bagi elemen sikap terhadap tingkah laku, lima item yang asal berjaya menerangkan maksud sikap terhadap tingkah laku sebanyak 46.72%. Selain itu, nilai KMO lebih besar daripada 0.5 dan nilai *Eigenvalues* lebih besar daripada satu menunjukkan data yang ada cukup untuk menerangkan maksud tingkah laku. Begitu juga dengan elemen norma subjektif, tiga item asalnya berjaya menerangkan maksud norma subjektif sebanyak 63.30%. Seterusnya, bagi elemen kawalan tingkah laku yang dilihat, enam item yang asal berjaya menerangkan maksud kawalan tingkah laku yang dilihat sebanyak 42.84%. Nilai KMO lebih besar daripada 0.5 dan nilai *Eigenvalues* lebih besar daripada satu menunjukkan data yang ada cukup untuk menerangkan maksud kawalan tingkah laku yang dilihat.





## Jadual 3.9

### *Analisis Faktor bagi Personaliti Proaktif*

	KMO	Bartlett's Test	Eigenvalues	% of Variance
Personaliti Proaktif	0.764	229.41	2.751	39.30

Bagi elemen personaliti proaktif, tujuh item terbaik daripada sepuluh item yang asal berjaya menerangkan maksud tingkah laku sebanyak 39.30%. Selain itu, nilai KMO lebih besar daripada 0.5 dan nilai *Eigenvalues* lebih besar daripada satu menunjukkan data yang ada cukup untuk menerangkan maksud personaliti proaktif.

## 3.7 Analisis Data



Untuk menganalisis data, sebanyak 4 pembolehubah telah diambil kira iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif. Data dalam kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk meringkaskan suatu set data (mentafsir data secara umum) manakala statistik inferensi digunakan untuk membuat generalisasi tentang populasi (menguji hipotesis) berdasarkan data daripada sampel populasi tersebut (Warner, 2008).

Semua data utama dalam kajian ini akan diproses dengan menggunakan program Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 21.0. Analisis ini adalah satu aplikasi yang boleh membantu menjelaskan sebab dan tafsiran data atau maklumat yang diperolehi daripada soal selidik yang boleh difahami dengan lebih jelas





(Zikmund, Babin, Carr, & Griffin, 2010). Melalui analisis deskriptif, korelasi dan regresi, data akan diuji bagi tujuan menganalisis hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Sebelum itu, pembersihan data pengujian *normality* telah dijalankan bagi mengesahkan data yang dikumpul boleh digunakan untuk dianalisis dengan menggunakan SPSS.

### 3.7.1 Pembersihan Data

Pembersihan data adalah penting dalam analisis data statistik, di mana ia boleh menilai kenormalan, unsur luaran dan data hilang. Pembersihan data akan menilai sama ada terdapat data hilang atau tidak dan memastikan semua data telah sedia ada (Sekaran & Bougie, 2010). Ia juga membolehkan penyelidik untuk mengenal pasti



tindak balas yang luar biasa di dalam soal selidik. Selain itu, ia boleh membantu untuk memenuhi andaian teknik statistik multivariat. Proses ini menjadi langkah yang paling penting sebelum memproses data kerana ia akan mengesahkan bahawa nilai-nilai data adalah betul atau sekurang-kurangnya menepati beberapa nilai satu set. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan ujian *Analyze-Descriptive Statistic-Frequencies* bagi memastikan tiada data yang hilang.

### 3.7.2 Ujian Normaliti

Dalam penyelidikan terutamanya penyelidikan multivariat, Hair et al. (1998) mencadangkan bahawa normaliti data dilihat sebagai satu asas. Andaian normaliti adalah langkah pra-syarat untuk kebanyakan teknik statistik inferensi (Coakes & Steed, 2007). Mengikut Pallant (2001), normaliti digunakan untuk menggambarkan





simetri dan keluk berbentuk loceng yang mempunyai kekerapan skor yang paling besar di tengah-tengah dan kekerapan skor yang lebih kecil ke arah keterlaluan. Selain itu, Coakes dan Steed (2007) menyatakan bahawa nilai untuk kepencongan dan kurtosis adalah sifar jika pembahagian itu diperhatikan betul-betul normal. Oleh itu, jika perubahan daripada normaliti adalah cukup besar, semua ujian statistik yang dihasilkan adalah tidak sah kerana normaliti diperlukan untuk menggunakan statistik F dan T (Hair et al., 2006).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan ujian *Explore* untuk melihat tahap skor kekerapan sama ada ia adalah dalam lengkung garis lurus atau di luar garis lurus. Jika ia berada di luar garis lurus, data akan dianggap sebagai tidak normal. Data ujian normaliti juga mesti lebih besar daripada aras signifikan (0.05). Menurut Pallant (2005) data anggap sebagai normal jika data dalam jadual kepencongan dan kurtosis adalah di antara 1 dan -1.

### 3.7.3 Statistik Deskriptif

Statistik deskriptif digunakan bagi menghurai atau membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperolehi bagi populasi atau sampel dan biasanya digunakan oleh para penyelidik bagi membuat ringkasan pada data yang mempunyai kuantiti yang besar (Yahya et al., 2007). Analisis Deskriptif merujuk kepada transformasi data mentah ke dalam bentuk yang membuat mereka lebih mudah untuk memahami dan mentafsir (Zikmund et al., 2010). Ia digunakan untuk mengira taburan kekerapan dan taburan peratus maklumat demografi yang disediakan oleh responden di bahagian A.





Oleh itu, dalam kajian ini, analisis dilakukan dengan menggunakan frekuensi dan peratusan.

### 3.7.4 Statistik Inferensi

Statistik inferensi digunakan untuk membuat kesimpulan daripada data melalui analisis. Oleh itu, statistik inferensi yang akan digunakan dalam kajian ini adalah melalui analisis korelasi dan regresi pelbagai. Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, penyelidik akan menggunakan ujian korelasi dan regresi pelbagai. Ujian korelasi merupakan satu ujian yang menunjukkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah dan kekuatan sesuatu hubungan itu diwakili oleh pekali korelasi (Piaw, 2011). Menurut Sekaran dan Bougie (2010) pula, ujian korelasi adalah analisis korelasi pearson yang menunjukkan kekuatan, arahan dan kepentingan hubungan bivariat antara semua pembolehubah yang diukur pada tahap selang atau nisbah. Semakin besar pekali korelasi, semakin kuat tahap hubungan dan boleh menjadi sama ada positif atau negatif bergantung kepada arah hubungan antara pembolehubah seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.10 di bawah.

Penyelidik akan menggunakan ujian korelasi ini bagi melihat hubungan antara komponen TPB iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat serta personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan.





### Jadual 3.10

#### *Rule of Thumb Saiz Pekali Korelasi*

Julat Pekali	Kekuatan Hubungan
$\pm 0.91$ hingga $\pm 1.00$	Sangat kuat
$\pm 0.71$ hingga $\pm 0.90$	Kuat
$\pm 0.41$ hingga $\pm 0.70$	Sederhana
$\pm 0.21$ hingga $\pm 0.40$	Hubungan yang kecil tetapi yang pasti
$\pm 0.01$ hingga $\pm 0.20$	Sedikit, hampir diabaikan

Sumber : Hair, Jr., Money, A. H., Samouel, P., & Page, M. (2007). *Research Methods or Business*. West Sussex: John Wiley Sons.

Regresi pelbagai digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih pembolehubah bebas yang menyumbang kepada perubahan dalam suatu pembolehubah bersandar (Piaw, 2011). Penyelidik cuba untuk mewujudkan pengaruh pembolehubah bebas iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif sebagai potensi peramal kepada pembolehubah bersandar iaitu hasrat keusahawanan. Oleh itu, penyelidik hanya memperluaskan penggubalan model regresi pelbagai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.11 dan Jadual 3.12 di bawah. Jadual 3.13 pula menunjukkan deskripsi umum analisis data dalam kajian ini.

### Jadual 3.11

#### *Model Umum Regresi Pelbagai*

$\hat{Y}$	
Hasrat	$= B_0 + B_1 STL + B_2 NS + B_3 KTL + B_4 PP + e$
$B_1 STL$	Sikap Terhadap Tingkah Laku
$B_2 NS$	Norma Subjektif
$B_3 KTL$	Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat
$B_4 PP$	Personaliti Proaktif
E	Ralat





### Jadual 3.12

#### *Model Spesifik Regresi Pelbagai*

$\wedge$	
$\text{Hasrat} = b_0 + b_1\text{STL} + b_2\text{NS} + b_3\text{KTL} + b_4\text{PP} + e$	
Di mana $B_0$	Pintasan
Hasrat	Hasrat Keusahawanan
$b_1\text{STL}$	Sikap Terhadap Tingkah Laku
$b_2\text{NS}$	Norma Subjektif
$b_3\text{KTL}$	Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat
$b_4\text{PP}$	Personaliti Proaktif
E	Ralat

### Jadual 3.13

#### *Deskripsi Umum Analisis Data*

Bidang penyelidikan	Hipotesis	Analisis
Untuk menyiasat pengaruh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif keatas atas hasrat keusahawanan	Hipotesis 1a Hipotesis 1b Hipotesis 1c Hipotesis 1d Hipotesis 2	Korelasi Regresi Pelbagai

### 3.8 Keyakinan Interval

Sela keyakinan adalah satu konotasi yang menyatakan bahawa pada paras Sela Keyakinan 95 peratus yang bermaksud 95 peratus keyakinan min populasi berada antara dua nilai yang dikira (Ramlee, Jamal & Hariri, 2011). Oleh itu, penyelidik akan membuat keputusan pada tahap signifikan alfa ( $\alpha$ ) = 0.05 yang bermaksud 95 peratus selang keyakinan terhadap statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini. Keputusan tentang hipotesis pula adalah mengikut tahap signifikan di mana sekiranya





$p < 0.05$ , hipotesis nul ( $H_0$ ) ditolak dan hipotesis alternatif ( $H_a$ ) diterima dan sebaliknya jika  $p > 0.05$ , hipotesis nul ( $H_0$ ) diterima dan hipotesis alternatif ( $H_a$ ) ditolak.

### 3.9 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini membincangkan reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, kajian rintis, ujian kebolehpercayaan dan kesahan dan kaedah menganalisis data. Kedua-dua analisis deskriptif dan inferensi telah digunakan untuk menganalisis data. Analisis deskriptif telah digunakan untuk menggambarkan maklumat demografi responden manakala analisis inferensi iaitu korelasi dan regresi pelbagai telah digunakan untuk menguji hipotesis dan juga untuk mencapai objektif dalam kajian ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan hasil yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan di beberapa buah sekolah menengah di Negeri Kedah. Data dianalisis dan dapatan dibentangkan berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian yang telah dibangunkan dalam bab satu. Semua data telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 21.0.

Perbincangan dalam bab ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Ujian deskriptif telah dijalankan untuk melihat taburan frekuensi dan peratusan berdasarkan demografi responden. Analisis inferensi adalah berkaitan dengan analisis korelasi dan regresi. Ujian korelasi telah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dijalankan untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Manakala analisis regresi pelbagai telah digunakan untuk menguji pengaruh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan serta melihat faktor yang paling mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.

## 4.2 Analisis Statistik Deskriptif

### 4.2.1 Profil Responden

Analisis ini menjelaskan frekuensi dan peratusan yang terdapat dalam profil responden iaitu iaitu jantina, bangsa, tempat tinggal dan kerja sambilan. Taburan frekuensi dan peratusan profil responden mengikut ciri-ciri demografi diuraikan seperti di bawah.

### 4.2.2 Statistik Deskriptif Responden Kajian

Berdasarkan Jadual 4.1, peratusan bilangan pelajar perempuan jauh lebih tinggi iaitu 66.5% berbanding dengan pelajar lelaki iaitu hanya 33.5%. Ini adalah fenomena biasa bagi kebanyakan sekolah yang menawarkan pengajian tingkatan enam.

Jadual 4.1

*Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Jantina*

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	60	33.5
Perempuan	119	66.5
Jumlah	179	100





Berdasarkan Jadual 4.2, peratusan bangsa Melayu mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 93.9%, diikuti dengan lain-lain bangsa iaitu sebanyak 3.9% dan bangsa Cina mencatat peratusan yang terendah iaitu sebanyak 2.2%. Keadaan ini adalah disebabkan oleh majoriti pelajar-pelajar yang belajar di tingkatan enam adalah pelajar berbangsa Melayu.

#### Jadual 4.2

*Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa*

Bangsa	Bilangan	Peratusan
Melayu	168	93.9
Cina	4	2.2
Lain-lain	7	3.9
Jumlah	179	100



Jadual 4.3 menunjukkan bilangan responden yang tinggal di bandar dan luar bandar. Sebanyak 81.6% responden tinggal di luar bandar dan selebihnya 18.4% responden tinggal di bandar. Ini menggambarkan bahawa, majoriti responden tinggal di kawasan luar bandar.

#### Jadual 4.3

*Bilangan dan Peratus Responden yang Tinggal di Bandar dan Luar Bandar*

Penglibatan	Bilangan	Peratusan
Bandar	33	18.4
Luar bandar	146	81.6
Jumlah	179	100





Jadual 4.4 menunjukkan bilangan responden yang pernah melakukan kerja sambilan iaitu sebanyak 48% dan responden yang tidak pernah melakukan kerja sambilan adalah sebanyak 52%. Ini menggambarkan bahawa, sebahagian daripada responden mempunyai pengalaman bekerja.

#### Jadual 4.4

##### *Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Kerja Sambilan*

Penglibatan	Bilangan	Peratusan
Ya	86	48
Tidak	93	52
Jumlah	210	100



Ujian korelasi digunakan untuk menganalisis hipotesis satu (1a, 1b, 1c dan 1d) kajian. Manakala ujian regresi pelbagai digunakan untuk menganalisis hipotesis kedua dalam kajian ini.

H0a: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan.

Jadual 4.5 menunjukkan keputusan ujian korelasi bagi hubungan antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan pelajar. Keputusan menunjukkan nilai  $r = 0.553$  dan nilai  $p = 0.000$  di mana nilai  $p$  adalah lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p < 0.05$ . Oleh itu, keputusannya adalah hipotesis nul





ditolak dan menerima hipotesis alternatif bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan pelajar. Terdapat hubungan positif yang sederhana antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan. Pelajar dengan sikap terhadap tingkah laku yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih besar.

#### Jadual 4.5

*Keputusan Ujian Korelasi bagi Sikap Terhadap Tingkah laku dengan Hasrat Keusahawanan*

Pembolehubah	r	P
Sikap terhadap tingkah laku	0.553	0.000

\*signifikan pada aras keertian 0.05 (2-tailed)



Ho1b; Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan.

Jadual 4.6 menunjukkan keputusan ujian korelasi bagi hubungan antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan pelajar. Keputusan menunjukkan nilai  $r = 0.440$  dan nilai  $p = 0.000$  di mana nilai  $p$  adalah lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p < 0.05$ . Oleh itu, keputusannya adalah hipotesis nul ditolak dan menerima hipotesis alternatif bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan pelajar. Terdapat hubungan positif yang sederhana antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan. Pelajar dengan norma subjektif yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih besar.





### Jadual 4.6

*Keputusan Ujian Korelasi bagi Norma Subjektif dengan Hasrat Keusahawanan*

Pembolehubah	r	P
Norma subjektif	0.440	0.000

\*signifikan pada aras keertian 0.05 (2-tailed)

Ho1c: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan.

Jadual 4.7 menunjukkan keputusan ujian korelasi bagi hubungan antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan pelajar. Keputusan menunjukkan nilai  $r = 0.447$  dan nilai  $p = 0.000$  di mana nilai  $p$  adalah lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p < 0.05$ . Oleh itu, keputusannya adalah



hipotesis nul ditolak dan menerima hipotesis alternatif bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan pelajar. Terdapat hubungan positif yang sederhana antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan. Pelajar dengan kawalan tingkah laku yang dilihat yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih besar.

### Jadual 4.7

*Keputusan Ujian Korelasi bagi Kawalan Tingkah Laku Yang Dilihat dengan Hasrat Keusahawanan*

Pembolehubah	r	P
Kawalan tingkah laku yang dilihat	0.447	0.000

\*signifikan pada aras keertian 0.05 (2-tailed)

Ho1d: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan.





Jadual 4.8 menunjukkan keputusan ujian korelasi bagi hubungan antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan pelajar. Keputusan menunjukkan nilai  $r = 0.329$  dan nilai  $p = 0.000$  di mana nilai  $p$  adalah lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p < 0.05$ . Oleh itu, keputusannya adalah hipotesis nul ditolak dan menerima hipotesis alternatif bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan pelajar. Terdapat hubungan positif yang kecil tetapi pasti antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan. Pelajar dengan personaliti proaktif yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih besar.

Jadual 4.8



Pembolehubah	r	P
Personaliti proaktif	0.329	0.000

\*signifikan pada aras keertian 0.05 (2-tailed)

$H_0$ : Tidak terdapat faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.

Seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini, pembolehubah bebas dalam kajian ini terdiri daripada empat pembolehubah utama iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif.





Jadual 4.9 menunjukkan keputusan yang diperolehi daripada analisis regresi pelbagai. Nilai *R Adjusted* adalah 0.403. Ini menunjukkan bahawa peratusan varians dalam pembolehubah bersandar yang boleh dijelaskan oleh pembolehubah bebas adalah sebanyak 40.3%. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa 40.3% daripada *varians* dalam hasrat keusahawanan telah dijelaskan oleh semua pembolehubah bebas yang terlibat iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif.

#### Jadual 4.9

##### *Ringkasan Model*

Model R	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	0.646	0.417	0.403	3.03382



- a. Peramal: (Konstan) Sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif
- b. Pembelahan bersandar: Hasrat keusahawanan

Berdasarkan Jadual 4.10, keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa nilai F statistik yang dihasilkan ( $F=31.077$ ) didapati signifikan ( $p=0.000$ ) pada aras keyakinan 0.05. Ini menunjukkan bahawa model regresi ini mencapai statistik yang signifikan dengan nilai p adalah kurang daripada 0.05. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa F adalah signifikan di mana semua nilai parameter tidak sifar dan model adalah sesuai.





## Jadual 4.10

### *Analisis Varians (ANOVA)*

Model R		Sum of Squares	df	Mean Square	F	p
1	Regression	1144.118	4	286.029	31.077	0.000
	Residual	1601.502	174	9.204		
	Total	2745.620	178			

Keputusan dalam Jadual 4.11 menunjukkan nilai t yang dihasilkan oleh sikap terhadap tingkah laku ( $t=5.015$ ), kawalan tingkah laku yang dilihat ( $t=4.086$ ) dan norma subjektif ( $t=3.152$ ), didapati signifikan ( $p=0.000$ ) pada aras keyakinan 0.05. Walau bagaimanapun, nilai t statistik yang dihasilkan oleh personaliti proaktif ( $t=0.706$ ) didapati tidak signifikan.



terhadap tingkah laku adalah secara statistik penting untuk meramal hasrat keusahawanan pelajar pada aras keyakinan 0.05. Skor beta yang paling tinggi adalah sikap terhadap tingkah laku dengan nilai beta 0.345, diikuti pembolehubah kawalan tingkah laku yang dilihat dengan nilai beta 0.260 dan pembolehubah norma subjektif dengan nilai beta 0.214.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pembolehubah sikap terhadap tingkah laku adalah pembolehubah bebas yang paling mempengaruhi hasrat keusahawanan, manakala pembolehubah kawalan tingkah laku yang dilihat dan norma subjektif juga memberi kesan ke atas hasrat keusahawanan pelajar. Walau bagaimanapun, pembolehubah bebas yang lain iaitu personaliti proaktif tidak signifikan untuk meramal hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar.





### Jadual 4.11

*Keputusan Ujian Regresi Pelbagai Ke Atas Pembolehubah- Pembolehubah bagi Meramal Hasrat Keusahawanan*

Pembolehubah	B	Beta	T
Konstan	1.638		0.837
Sikap terhadap tingkah laku	0.418	0.345	5.015
Norma subjektif	0.470	0.214	3.152
Kawalan tingkah laku yang dilihat	0.262	0.260	4.086
Personaliti proaktif	0.048	0.047	0.706
R2	0.417		
R Adjusted	0.403		
F	31.077		

Jadual 4.12 menunjukkan model sebenar bagi kajian ini. Model ini menunjukkan bahawa peningkatan satu peratus dalam sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif akan membawa kepada peningkatan sebanyak 4.18%, 4.7%, 2.62% dan 0.48% hasrat keusahawanan.



### Jadual 4.12

*Model Spesifik Regresi Pelbagai*

$$\text{Hasrat}^{\Delta} = b_0 + b_1\text{Sikap} + b_2\text{Norma} + b_3\text{Kawalan} + b_4\text{Proaktif} + e$$

$$1.638 + 0.418\text{Sikap} + 0.470\text{Norma} + 0.262\text{Kawalan} + 0.048\text{Proaktif} + e$$

- |          |                                     |
|----------|-------------------------------------|
| Sikap    | = Sikap terhadap tingkah laku       |
| Norma    | = Norma subjektif                   |
| Kawalan  | = Kawalan tingkah laku yang dilihat |
| Proaktif | = Personaliti proaktif              |





Berdasarkan Jadual 4.13, nilai toleransi dan *Variance Inflation Factor* (VIF) antara semua pembolehubah bebas adalah lebih daripada 0.10 dan 10. Nilai *cut-off* adalah nilai toleransi 0.10 yang sepadan dengan VIF 10 (Sekaran & Bougie, 2010). Ini menunjukkan bahawa tidak ada multikoloneariti antara semua pembolehubah bebas.

Jadual 4.13


*Ringkasan Statistik Koloneariti*

Statistik Koloneariti		
	Toleransi	VIF
Sikap	0.707	1.414
Norma	0.729	1.371
Kawalan	0.827	1.210
Proaktif	0.774	1.293



Berdasarkan Rajah 4.1, plot menunjukkan anggaran anggaran persamaan;  $1.638 + 0.418\text{Sikap} + 0.470\text{Norma} + 0.262\text{Kawalan} + 0.048\text{Proaktif}$  berhubung secara linear.

Semua pembolehubah bebas iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif berhubung secara linear dengan pembolehubah bersandar iaitu hasrat keusahawanan.



Rajah 4.1. Plot kebarangkalian normal sisa regresi diseragamkan





#### 4.4 Rumusan

Bab ini telah membincangkan dapatan kajian berdasarkan hipotesis yang telah digubal. Keputusan daripada analisis deskriptif menerangkan frekuensi dan peratusan yang terdapat dalam profil responden iaitu jantina, bangsa, tempat tinggal dan kerja sambilan. Keputusan ujian korelasi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan pelajar.

Selain itu, keputusan ujian regresi menunjukkan bahawa sikap terhadap tingkah laku merupakan pembolehubah yang paling berpengaruh ke atas hasrat keusahawanan manakala kawalan tingkah laku yang dilihat dan norma subjektif turut





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan berkaitan dapatan-dapatan yang diperolehi menerusi kajian yang telah dilakukan. Perbincangan di dalam bab ini dibuat berdasarkan kepada objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk dan akan dibandingkan dengan dapatan-dapatan daripada kajian-kajian terdahulu. Selain itu, penyelidik turut mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak-pihak yang terlibat serta kepada kajian-kajian yang akan dijalankan pada masa akan datang. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menilai pengaruh hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah. Tujuan kajian adalah untuk melihat hubungan antara sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan persoaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan pelajar. Seterusnya, kajian ini akan menentukan kesan sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan persoaliti proaktif ke atas hasrat keusahawanan pelajar.

Penyelidik telah memilih sebanyak 285 orang pelajar sebagai sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri



Kedah. Majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan yang berbangsa Melayu. Borang soal selidik yang telah dikembalikan adalah sebanyak 210 set iaitu kira-kira 73.68 peratus. Daripada jumlah tersebut, hanya 179 set soal selidik yang membawa kepada 62.8 peratus yang boleh digunakan untuk dianalisis. Analisis yang digunakan dalam kajian ini diproses menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Analisis yang dilakukan untuk menganalisis data kajian ini terbahagi kepada dua jenis iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi.

Sebelum penyelidik mengutip data sebenar, ujian rintis telah dijalankan ke atas 40 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan SMK Syed Alwi, Perlis untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen (borang soal selidik) yang digunakan dalam kajian ini. Hasil daripada analisis yang dilakukan, didapati nilai pekali alfa bagi sikap terhadap tingkah laku dan





norma subjektif adalah melebihi 0.6, kawalan tingkah laku yang dilihat menghampiri 0.6 manakala personaliti proaktif dan hasrat keusahawanan adalah melebihi 0.7. Instrumen yang digunakan untuk mengukur TPB dan hasrat keusahawanan diambil daripada Soal Selidik EIQ yang digunakan oleh Linan et al. (2007). Manakala instrumen yang digunakan untuk mengukur personaliti proaktif diambil daripada PPS yang direka oleh Seibert, Crant, dan Kraimer (1999).

### 5.3 Perbincangan Mengikut Persoalan Kajian

#### 5.3.1 Persoalan Kajian



Adakah terdapat pengaruh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah?

- a. Adakah terdapat hubungan antara sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif terhadap hasrat keusahawanan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah?
- b. Apakah faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah?

Persoalan kajian tersebut diwakili oleh dua hipotesis seperti yang dibincangkan di bawah. Oleh itu, bagi menjawab persoalan kajian ini adalah melalui





analisis ujian korelasi untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan dan ujian regresi bagi menilai faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.

#### (a) Sikap Terhadap Tingkah Laku

H01a: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa sikap terhadap tingkah laku mempunyai hubungan positif yang sederhana iaitu 0.553 terhadap hasrat keusahawanan. Pelajar



dengan sikap terhadap tingkah laku yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih tinggi. Penyelidik telah memperolehi nilai  $p < 0.01$  yang bermaksud bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan. Keputusan ini adalah selaras dengan Dohse dan Walter (2009); Paço et al. (2011); Kolvereid dan Tkachev (1999); Krueger et al. (2000); Frazier dan Niehm (2006) yang mendedahkan bahawa sikap terhadap tingkah laku dengan hasrat keusahawanan adalah signifikan. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa pelajar-pelajar mempunyai keinginan untuk bekerja sendiri. Ini bersamaan dengan pendapat Segal et al. (2005) yang menyatakan bahawa keinginan bekerja sendiri memberi kebaikan yang lebih besar daripada bekerja dengan orang lain.

Apabila pelajar-pelajar mempunyai pandangan yang positif tentang hasil daripada memulakan perniagaan, maka sikap terhadap tingkah laku mereka akan





menjadi lebih baik. Seterusnya, hasrat mereka untuk memulakan perniagaan adalah lebih tinggi. Kenyataan ini adalah selaras dengan Vanevenhoven dan Liguori (2013); Renko et al. (2012); Edelman et al. (2010) yang menyatakan bahawa ganjaran dan hasil keusahawanan adalah signifikan dengan hasrat keusahawanan. Sebaliknya, jika pelajar melihat bahawa keusahawanan tidak akan membawa apa-apa faedah kepada mereka, mereka akan mempunyai sikap yang negatif terhadap tingkah laku dan tidak berhasrat untuk melibatkan diri dalam perniagaan atau bekerja sendiri.

### (b) Norma Subjektif

H01b: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan.



Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana iaitu 0.440 di antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan. Pelajar dengan norma subjektif yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih besar. Penyelidik telah memperolehi nilai  $p < 0.01$  yang bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan. Dapatkan ini mempunyai persamaan dengan Kolveried dan Isaksen (2006); Yordanova dan Tarazon (2010); Krithika dan Venkatachalam (2014) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa, sekiranya pelajar-pelajar menerima tekanan sosial daripada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat, maka mereka akan ter dorong untuk menjadi seorang usahawan.





Namun, keputusan kajian ini adalah bertentangan dengan Linan dan Chen (2009) yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara norma subjektif dengan hasrat keusahawanan. Keadaan tersebut adalah disebabkan oleh perubahan pesat persekitaran sosial, keluarga, rakan-rakan dan rakan sebaya yang tidak mempengaruhi individu dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa pelajar-pelajar yang berada dalam persekitaran yang menyokong mereka melibatkan diri dalam bidang keusahawanan akan mendorong mereka memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

### (c) Kawalan Tingkah Laku yang Dilihat

Ho1c: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan.



Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana iaitu 0.447 di antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan. Pelajar dengan kawalan tingkah laku yang dilihat yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih besar. Penyelidik telah memperolehi nilai  $p < 0.000$  yang bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara kawalan tingkah laku yang dilihat dengan hasrat keusahawanan. Keputusan ini adalah selaras dengan kajian Kristiansen dan Indarti (2004); Basu dan Virick (2008); Ruhle et al. (2010) yang mendapati bahawa kawalan tingkah laku yang dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan hasrat keusahawanan. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai kawalan tingkah laku yang tinggi akan lebih bermotivasi ke arah keusahawanan dan lebih komited untuk memulakan perniagaan.





Keputusan kajian ini juga adalah konsisten dengan Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2009) yang menjelaskan bahawa lebih besar pendedahan pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan, semakin tinggi kawalan tingkah laku yang dilihat mereka. Kenyataan ini disokong oleh Obschonka et al. (2010) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang memiliki ciri-ciri dan personaliti keusahawanan di awal usia akan mempunyai kawalan tingkah laku yang lebih tinggi dan membawa kepada hasrat keusahawanan yang lebih besar. Oleh itu, pelajar-pelajar yang memperolehi pengalaman keusahawanan melalui aktiviti keusahawanan akan mempunyai kawalan tingkah laku yang dilihat yang lebih tinggi dan seterusnya membawa kepada hasrat keusahawanan secara positif

#### (d) Personaliti Proaktif



Ho1d. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kecil tetapi pasti iaitu 0.329 di antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan. Pelajar dengan personaliti proaktif yang tinggi akan mempunyai hasrat keusahawanan yang lebih besar. Penyelidik telah memperolehi nilai  $p < 0.01$  yang bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti proaktif dengan hasrat keusahawanan. Keputusan ini adalah selaras dengan kajian Crant (1996); Delle dan Amadu (2015) yang mendapati bahawa personaliti proaktif mempunyai hubungan yang signifikan dengan hasrat keusahawanan. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai personaliti proaktif yang tinggi akan bertindak untuk





memulakan perubahan, menghapuskan halangan yang dihadapi serta lebih berjaya dalam kerjaya mereka.

Keputusan kajian ini juga disokong oleh Bateman dan Crant (1993) yang menunjukkan bahawa seseorang individu dengan sifat personaliti proaktif dikurniakan dengan kemahiran untuk menukar aktif persekitaran masing-masing serta mempunyai inisiatif yang berterusan sehingga perubahan berlaku. Oleh itu, pelajar-pelajar yang mempunyai personaliti proaktif dapat mengenalpasti masalah sendiri dan menyelesaikannya bagi memajukan kehidupan peribadi mereka.

### Faktor Dominan

Ho2: Tidak terdapat faktor yang dominan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan



Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, boleh disimpulkan bahawa semua pembolehubah bebas iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif boleh menerangkan hasrat keusahawanan dengan jelas. Pembolehubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat didapati signifikan untuk meramal hasrat keusahawanan pelajar.

Walau bagaimanapun, pembolehubah sikap terhadap tingkah laku merupakan pembolehubah bebas yang paling mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar dalam kajian ini. Dapatkan ini adalah konsisten dengan Malebana dan Swanepoel (2015) yang mengesahkan bahawa sikap ke arah menjadi seorang usahawan menjelaskan *varians*





yang paling tinggi dalam hasrat keusahawanan responden. Kenyataan ini juga selaras dengan Paco et al. (2011) yang mendapati bahawa sikap terhadap tingkah laku mempunyai kesan langsung dan positif kepada hasrat keusahawanan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga adalah selari dengan Scholten et al. (2004) yang menunjukkan bahawa sikap mempunyai pengaruh yang sangat kuat kepada hasrat di mana setiap perubahan sikap secara langsung membawa kepada perubahan dalam hasrat keusahawanan. Seterusnya, dapatan kajian ini juga adalah bersamaan dengan Yang (2013) yang mengesahkan bahawa sikap merupakan peramal yang paling berkesan ke atas hasrat keusahawanan. Sebaliknya, kenyataan tersebut adalah bertentangan dengan Zhang, Whang, dan Owen (2014) yang mendapati bahawa sikap gagal menghasilkan kesan yang signifikan terhadap hasrat keusahawanan.



Selain itu, pembolehubah kawalan tingkah laku yang dilihat juga didapati signifikan dan merupakan peramal kedua terbaik hasrat keusahawanan pelajar. Keputusan ini adalah bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Malebana dan Swanepoel (2015); Iqbal et al. (2012) yang mendapati bahawa kawalan tingkah laku yang dilihat merupakan peramal kedua terbaik hasrat keusahawanan. Begitu juga Malebana (2014); Ruhle et al. (2010); Paco et al. (2011) yang mendapati bahawa hasrat keusahawanan boleh diramalkan daripada kawalan tingkah laku yang dilihat.

Seterusnya, pembolehubah norma subjektif juga didapati signifikan dan merupakan peramal ketiga terbaik hasrat keusahawanan pelajar. Keputusan ini adalah bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Linan, Urbano, dan Guerrero (2011); Nishimura dan Tristan (2011); Linan dan Chen (2009) yang mendapati bahawa norma





subjektif tidak meramal hasrat keusahawanan. Menariknya, dapatan kajian penyelidik dapat mengesahkan bahawa TPB (sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat) dapat meramal hasrat keusahawanan. Keputusan ini adalah selari dengan dapatan kajian Mueller (2011); Angriawan et al. (2012); dan Otuya et al. (2013).

Pembolehubah personaliti proaktif yang telah dicadangkan oleh Crant (1996) didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan hasrat keusahawanan. Walau bagaimanapun, hasil kajian penyelidik tidak mempunyai bukti yang cukup untuk mengesahkan pembolehubah personaliti proaktif merupakan statistik yang signifikan untuk meramalkan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Data yang ada dalam kajian ini tidak dapat membuktikan personaliti proaktif sebagai peramal hasrat keusahawanan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain yang lebih penting dalam meramal hasrat keusahawanan pelajar.

Keputusan ini adalah bertentangan dengan kajian Drost (2010) yang mendapati bahawa personaliti proaktif meramal hasrat keusahawanan. Kenyataan ini disokong oleh Delle dan Amadu (2015) yang mengesahkan bahawa personaliti proaktif secara signifikan dan positif meramal hasrat keusahawanan. Walau bagaimanapun, pembolehubah personaliti proaktif ini merupakan pembolehubah baru terutamanya dalam kajian keusahawanan di Malaysia.





## 5.4 Implikasi Dapatan Kajian

### 5.4.1 Implikasi Teori

Sumbangan saintifik kajian ini adalah untuk memahami latar belakang hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah. Penyelidik menggunakan TPB dan personaliti proaktif untuk menganalisis latar belakang hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Malah, kesesuaian TPB ke atas hasrat keusahawanan telah menerima sokongan empirikal yang luas pada masa lalu. Walau bagaimanapun, personaliti proaktif belum dikaji untuk menilai hasrat keusahawanan.



~~Keputusan dalam kajian ini adalah memuaskan kerana dapat mengesahkan bahawa TPB adalah berguna dalam meramalkan hasrat keusahawanan pelajar. Keputusan kajian ini juga konsisten dengan kajian sebelum ini yang berkaitan dengan aplikasi TPB ke atas hasrat keusahawanan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga elemen TPB iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dilihat mampu untuk meramalkan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah.~~

Seterusnya, aplikasi personaliti proaktif yang dibangunkan oleh Crant (1996) ke atas hasrat keusahawanan juga didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan hasrat keusahawanan. Namun, data yang ada tidak dapat mengesahkan bahawa personaliti proaktif dapat meramalkan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar.





#### 5.4.2 Implikasi Praktikal

Daripada perspektif praktikal, dapatan kajian mempunyai implikasi kepada pembuat dasar untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik ke atas sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif pelajar-pelajar dengan menyediakan keperluan teknikal, kewangan dan keperluan latihan keusahawanan di sekolah-sekolah. Oleh itu, dapatan kajian ini menawarkan pemahaman ke atas faktor-faktor yang boleh mencetuskan hasrat keusahawanan pelajar. Semua elemen TPB disahkan sebagai latar belakang penting untuk meramalkan hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah.



Seterusnya, hasil kajian memberi implikasi kepada pendidikan keusahawanan (melalui mata pelajaran pengajian perniagaan) di sekolah. Usaha yang lebih gigih diperlukan untuk meningkatkan daya tarikan terhadap keusahawanan di peringkat awal sistem pendidikan. Usaha membangunkan pelajar dengan kemahiran dan nilai-nilai yang berkait rapat dengan keusahawanan akan menyumbang kepada sikap peribadi yang lebih baik ke arah keusahawanan. Selain itu, pendekatan pengajaran perlu ditukar daripada pengajaran tradisional seperti penerangan dan peperiksaan kepada pembelajaran aktif. Ini adalah selaras dengan Gibb (2002) dan Sogunro (2004) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran perlu dilengkapkan dengan aktiviti seperti pembelajaran dengan melakukan.

Selain itu, pihak sekolah juga perlu menyediakan pendidikan dan latihan keusahawanan dengan cara menjalankan hubungan dengan institusi akademik awam





dan swasta. Aktiviti seperti forum dan kolokium dengan usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya dapat menggalakkan pemindahan pengalaman dan pertukaran idea keusahawanan. Tindakan tersebut adalah perlu kerana penglibatan sektor swasta merupakan salah satu faktor utama kejayaan pendidikan keusahawanan (United Nations Conference on Trade and Development, 2010).

Hasil kajian menunjukkan bahawa personaliti proaktif secara statistiknya tidak signifikan untuk meramal hasrat keusahawanan dalam kalangan pelajar tingkatan enam pengajian perniagaan di Negeri Kedah. Walau bagaimanapun, personaliti proaktif boleh dibangunkan dengan menyediakan latihan dan aktiviti dalam pembangunan personaliti proaktif. Ini kerana, personaliti proaktif boleh membantu pelajar dalam proses membuat keputusan terutamanya keputusan berkaitan kerjaya



pilihan mereka. Selain itu, pelajar yang berpersonaliti proaktif mempunyai tenaga, tumpuan dan semangat untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Ini adalah selaras dengan Bateman dan Crant (1993) yang menjelaskan bahawa pelajar yang berpersonaliti proaktif mempunyai kemahiran untuk menukar persekitaran dan berusaha secara berterusan sehingga berlakunya perubahan.

Oleh yang demikian, sekolah perlu menyediakan persekitaran keusahawanan yang sesuai agar pelajar-pelajar akan belajar dan menonjolkan personaliti proaktif supaya mereka dapat mengambil inisiatif untuk menjana idea perniagaan seterusnya mempunyai hasrat untuk menjadi usahawan yang berjaya.





## 5.5 Cadangan untuk Kajian Akan Datang

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengaplikasikan model TPB dengan memberi tumpuan setakat hasrat sahaja. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa pada masa akan datang, kajian-kajian lain boleh mengkaji isu ini sehingga tingkah laku. Tambahan pula, terdapat model lain yang boleh digunakan untuk menilai hasrat keusahawanan seperti Model Acara Keusahawanan Shapero (Shapero, 1982) dan Model Davidsson (Davidsson, 1995a, b).

Seterusnya, hasil kajian ini juga mengesahkan bahawa personaliti proaktif boleh menerangkan hasrat keusahawanan pelajar-pelajar tingkatan enam pengajian

perniagaan di Negeri Kedah. Namun, penyelidik tidak mempunyai bukti yang cukup untuk mengesahkan pembolehubah personaliti proaktif merupakan statistik yang signifikan untuk meramalkan hasrat keusahawanan. Di samping itu, dalam kajian ini, penyelidik menggunakan PPS yang terdiri daripada 10 item bagi mengukur personaliti proaktif pelajar. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar kajian akan datang menggunakan PPS asal yang terdiri daripada 17 item. Tujuh item yang tidak digunakan dalam kajian ini terdiri daripada (1) *I feel driven to make difference in my community and maybe the world*, (2) *I tend to let others take the initiative to start new projects*, (3) *I enjoy facing and overcoming obstacles to my ideas*, (4) *I love to challenge the status quo*, (5) *When I have a problem, I tackle it head-on*, (6) *I am great at turning problems into opportunities* dan (7) *If I see someone in trouble, I help out in any way I can*.





Dapatan kajian ini juga memberi maklumat yang berguna tentang faktor-faktor yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar. Oleh itu, penyelidik mencadangkan dalam kajian-kajian akan datang, kajian dilakukan ke atas semua pelajar tingkatan enam tanpa mengambil kira bidang pengajian. Ini bertujuan agar sampel yang lebih besar dan pelbagai boleh digunakan untuk menyokong dapatan dalam kajian ini bagi mendapatkan keputusan yang lebih tepat. Selain itu juga, dicadangkan agar kajian akan datang menguji pembolehubah lain yang belum dikaji dalam kajian ini seperti pembolehubah demografi untuk melihat kesannya ke atas hasrat keusahawanan.



Kajian ini telah memberikan pemahaman tentang pembolehubah (sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dilihat dan personaliti proaktif) yang memberi kesan kepada hasrat keusahawanan pelajar. Penyelidikan yang dijalankan ini telah mencapai objektifnya dan keputusan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan dan asas kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah, dan guru-guru dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai bakal usahawan setelah tamat pengajian kelak.

Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai hasrat untuk memulakan perniagaan. Oleh itu, mereka perlulah dilengkapi dengan kemahiran, pengalaman dan pendedahan keusahawanan selain mendorong dan menggalakkan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
94

minat pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan di sekolah. Sekolah pula seharusnya melaksanakan aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dapat mencungkil idea-idea keusahawanan pelajar dan memperolehi pengalaman dalam setiap aktiviti. Pendedahan pengalaman keusahawanan ini dapat membantu pelajar-pelajar merealisasikan impian mereka untuk menjadi seorang usahawan (Delle & Amadu, 2015).

Kesimpulannya, penyelidik berharap kajian ini akan menyediakan pelajar dengan pengetahuan yang berguna untuk memahami bagaimana tingkah laku peribadi dan personaliti seseorang akan mempunyai kesan ke atas hasrat untuk menjadi seorang usahawan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## RUJUKAN

Acs, Z. (2006). How is entrepreneurship good for economic growth? *Innovations: Technology, Governance, Globalization*, 1(1), 97–107.  
<http://doi.org/10.1162/itgg.2006.1.1.97>

Ajzen, I. & Cote, N.G. (2008). Attitudes and the prediction of behaviour. In Crano, W.D. & Prislin, R. (Ed.). *Attitudes and attitude change*. New York: Psychology Press. pp. 289-311.

Ajzen, I. & Fishbein, M. (2005). The influence of attitudes on behavior. In D. Albarraçín, B.T. Johnson & M.P. Zanna (Eds.), *The handbook of attitudes*. (pp. 173-221). Mahwah, NJ: Erlbaum.

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.

Ajzen, I. (2005). *Attitudes, personality and behaviour*. 2nd ed. Berkshire, England: Open University Press.

Ajzen, I. (2011). The theory of planned behaviour: Reactions and reflections. *Psychology and Health*, Vol. 26, No. 9, pp. 1113-1127



Ajzen, I. (2012). The theory of planned behaviour. In Lange, P.A.M., Kruglanski, A.W., & Higgins, E.T. (Ed.). *Handbook of Theories of Social Psychology*, 1, 438-459, Sage, London: UK.

Andy Schmitz. (2012). An Introduction to Organizational Behavior v. 1.0. Diakses daripada:<http://2012books.lardbucket.org/pdfs/an-introduction-to-organizational-behavior-v1.0.pdf>

Angriawan, A., Conners, S.E., Furdek, J. & Ruth, D. (2012). An empirical examination of entrepreneurial intent in the equine industry. *Proceedings of the Academy of Entrepreneurship*, 18(1), 1-8.

Arifatul Husna, Zainol, Zakiyah & Adura. (2010). Predicting entrepreneurship intention among Malay university accounting students in Malaysia. *Unitar E-Journal*, 6(1), pp. 1–10.

Ary, D., Jacob, L.C. & Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education*. Six Edition. Belmon, Wadsworth: Thomson Learning.

Athanasiou Hadjimanolis & Panikkos Poutziouris. (2011). Family business background, perceptions of barriers, and entrepreneurial intentions in Cyprus. *International Journal of Entrepreneurial Venturing*, 3(2), 168-182.





Bandura, A. (1986). *Social foundation of thought and action - A social cognitive theory*. Prentice-Hall: Englewood Cliffs, New Jersey.

Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: Freeman.

Barnir, A., Watson, W. & Hutchins, H.M. (2011). Gender differences in the relationships among exposure to entrepreneurial role models, self-efficacy and new venture intent. *Journal of Applied Social Psychology*, 41(2), 270–297.

Baron, R.A. & Henry, R.A. (2010). How entrepreneurs acquire the capacity to excel: Insights from research on expert performance, *Strateg. Entrep. J.*, 4(1): 49–65.

Basu, A. & Virick, M. (2008). *Assessing entrepreneurial intention among Students: A comparative study*. Kertas dibentangkan di National Collegiate Inventors and Innovators Alliance Conference.

Bateman, T.S. & Crant, J.M. (1993). The proactive component of organizational behavior: A measure and correlates. *Journal of Organizational Behavior*, 14, 103-118.

Bless, C. & Higson-Smith, C. (2000). *Fundamentals of social research methods, an African perspective*. 3rd ed. Lansdowne, South Africa: Juta.



Boon, Y. & Bohari, S. (2010). *Kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor*. Fakulti Pendidikan UTM.



Boulton, C. & Turner, P. (2005). *Mastering Business in Asia: Entrepreneurship*. Singapore: John Wiley and Sons.

Bowers, K.S. (1973). Situation in psychology: An analysis and critique. *Psychological Bulletin*, 80, 307-336.

Brown, D.J., Cober, R.T., Kane, K., Levy, P.E. & Shalhoop, J. (2006). Proactive personality and the successful job search: A field investigation with college graduates. *Journal of Applied Psychology*, 91(3), 717-726.

Buang, N.A. & Mohd. Yassin, R. (2008). *Kajian Keperluan Pendidikan Keusahawanan Secara Formal Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Pendidikan, UKM*. Pembentangan Kertas di Seminar Pendidikan Kejuruteraan & Alam Bina (PeKA2008).

Carree, M. & Thurik, R. (2005). The effect of entrepreneurial activity on national economic growth. *Small Business Economics*, 24(3): 311-321.





Chan, D. (2006). Interactive effects of situational judgment effectiveness and proactive personality on work perceptions and work outcomes. *Journal of Applied Psychology*, 91, 475–481.

Choo, S. & Wong, M. (2006). Entrepreneurial intention: triggers and barriers to new venture creations in Singapore. *Singapore Management Review*, 28(2): 47-64.

Claes, R. & De Witte, H. (2002). Determinants of graduates' preparatory job search behavior: A competitive test of proactive personality and expectancy-value theory. *Psychologica Belgica*, 42(4), 251-266.

Coakes, S.J. & Steed, L. (2007). *SPSS version 14.0 for windows: Analysis without anguish*. Australia: John Wiley & Sons.

Crant, J.M. & Bateman, T.S. (2000). Charismatic leadership viewed from above: The impact of proactive personality. *Journal of Organizational Behavior*, 21, 63-75.

Crant, M.J. (1995). The proactive personality scale and objective job performance among real estate agents. *Journal of Applied Psychology*, 80(4), 532-537.

Crant, M.J. (1996). The proactive personality scale as a predictor of entrepreneurial intentions. *Journal of Business and Management*, 34(3), 42-49.



Cuervo A., Ribeiro D. & Roig, S. (2008). Entrepreneurship: concepts, theory and perspective. *Introduction*. Diakses daripada: <https://www.uv.es/bcjauveg/docs/LibroCuervoRibeiroRoigIntroduction.pdf>

Daniel Spurk, Judith Volmer, Tamara Hagmaier & Simone Kauffeld. (2013). *Why are proactive people more successful in their careers? The role of career adaptability in explaining multiple career success criteria*. In: Crossman, Elizabeth E.; Weiler, Maria A. (eds.) *Personality Traits: Causes, Conceptions and Consequences* (pp. 27-48). New York: Nova Publishers.

David Myers. (2014). *The theory of planned behaviour as a predictor of entrepreneurial intention in the South African Jewish Community*. Master research project. South Africa: Gordon Institute of Business Science, University of Pretoria.

Davidsson, P. (1995a). Culture, structure and regional levels of entrepreneurship. *Entrepreneurship and Regional Development*, 7(1), 41-62.

Davidsson, P. (1995b). *Determinants of entrepreneurial intentions*. Kertas dibentangkan di mesyuarat tahunan Rent IX Workshop, Piacenza, Italy.

Dawes, John G. (2012). Do data characteristics change according to the number of scale points used? An experiment using 5 point, 7 point and 10 point scales. *International Journal of Market Research*, 51(1), 61-77.





De Vaus, D. (2002). *Analyzing social science data*. Thousand Oaks, London: Sage Publication.

Degeorge, J. & Fayolle, A. (2008). Is entrepreneurial intention stable through time? First insights from a sample of french students. *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, 5(1), 7-27.

Delle, E. & Amadu, I.M. (2015). Proactive personality and entrepreneurial intention: Employment status and student level as moderators. *International Journal of Small Business and Entrepreneurship Research*, 3(4), 1-13.

Dohse, D. & Walter, S.G. (2009). The Interplay between Entrepreneurship Education and Regional Knowledge Potential in Forming Entrepreneurial Intentions. Kertas dibentangkan di Kiel Institute for the World Economy, Kiel, Germany

Douglas, E. & Fitzsimmons, J. (2006). Entrepreneurial capital and entrepreneurial intentions: A cross-cultural comparison. Diakses daripada: [http://www.babson.edu.entrepreneur/fer/2005FER/chapter\\_v/summary\\_v2.html](http://www.babson.edu.entrepreneur/fer/2005FER/chapter_v/summary_v2.html)

Douglas, E.J. (2013). Reconstructing entrepreneurial intentions to identify predisposition for growth. *Journal of Business Venturing*, 28, 633-651.

Douglas, E.J., & Fitzsimmons, J.R. (2013). Intrapreneurial intentions versus entrepreneurial intentions: distinct constructs with different antecedents. *Small Business Economics*, 41, 115-132.



Drost, E.A. (2010). Entrepreneurial Intentions of Business Students in Finland: Implications for Education. *Advances in Management*, 3(7), 28-35.

Edelman, L.F., Brush, C.G., Manolova, T.S. & Greene, P.G. (2010). Start-up motivations and growth intentions of minority nascent entrepreneurs. *Journal of Small Business Management*, 48(2), 174-196.

Elfving, J., Brannback, M. & Carsrud, A. (2009). Toward A Contextual Model of Entrepreneurial Intentions. *International Studies in Entrepreneurship*, 24, Part 1, 23-33.

Elmore, P.E. & Beggs, D.L. (1975). Salience of concepts and commitment to extreme judgements. *Response Pattern of Teachers' Education*, 95(4), 325-334.

Erdogan, B. & Bauer, T.N. (2005). Enhancing career benefits of employee proactive personality: The role of fit with jobs and organizations. *Personnel Psychology*, 58(4), 859-891.

Eresia-Eke, C & Gunda, C. (2015). The entrepreneurial intentions of University of Botswana students. *Problems and Perspectives in Management*, Vol. 13, No. 3, pp. 55-65.





Fayolle, A. (2007). *Entrepreneurship and new value creation: The dynamic of the entrepreneurial process*. United Kingdom: Cambridge University Press.

Fayolle, A., & Linan, F. (2014). The future of research on entrepreneurial intentions. *Journal of Business Research*, 67, 663-666.

